

# DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

MALAYSIA

---

PENGGAL YANG KELIMA

## ATORAN URUSAN MESHUARAT

HARI KHAMIS, 6HB JUN, 1968, PUKUL 4 PETANG

Bil. 1

---

LAPORAN TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI  
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

---

### PADA PERMULAAN URUSAN MESHUARAT MENGEMUKAKAN RANG UNDANG<sup>2</sup> KERAJAAN

1. Perdana Menteri:  
Rang Undang<sup>2</sup> Perlembagaan (Pindaan).
2. Menteri Kewangan:  
†Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan (1968).
3. Menteri Kewangan:  
The Tariff Advisory Board (Amendment) Bill.
4. Menteri Kewangan:  
The Employees Provident Fund (Amendment) Bill.
5. Menteri Kewangan:  
The Excise (Amendment) (No. 3) Bill.
6. Menteri Pelajaran:  
†The Education (Amendment) Bill.
7. Menteri Ke'adilan:  
The Courts of Judicature (Amendment) Bill.
8. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:  
†The Control of Rent (Amendment) Bill.
9. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan:  
†Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Padang Golf Subang.

---

† Menunjukkan bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini akan di-timbang pada semua perengkat di-meshuarat ini.

## ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU<sup>2</sup> USUL

**1. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri** akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-panjang Penggal Dewan Ra'ayat yang ada sekarang, jalan<sup>2</sup> dan lorong<sup>2</sup> menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh di-laluī, dan jangan ada apa<sup>2</sup> halangan menggalang ahli<sup>2</sup> hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa<sup>2</sup> kachau bilau, di-jalan<sup>2</sup> menuju ka-arrah Dewan ini, dan supaya jangan ada apa<sup>2</sup> gangguan di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan-nya; dan Setia-usaha Dewan Ra'ayat hendak-lah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara tersebut.

**2. Timbalan Perdana Menteri** akan menhadangkan:

Bahawa, menurut perenggan (2) dalam Peratoran Meshuarat 76, sa-buah Jawatan-kuasa mengandongi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli Dewan Ra'ayat yang tersebut di-bawah ini, di-lantek menjadi Jawatan-kuasa Pemilih:

Timbalan Perdana Menteri

Menteri Kewangan

Menteri Pelajaran

Menteri Buroh

Yang Berhormat Tuan Chia Chin Shin

Yang Berhormat Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda.

**3. Menteri Kewangan** akan menhadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Tan Toh Hong di-lantek menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara.

**4. Menteri Kewangan** akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 61 tahun 1968, di-sahkan.

**5. Menteri Kewangan** akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 62 tahun 1968, di-sahkan.

**6. Menteri Kewangan** akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Ber-sama Malaysia) (Pindaan) (No. 4) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 63 tahun 1968, di-sahkan.

**7. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 64 tahun 1968, di-sahkan.

**8. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 65 tahun 1968, di-sahkan.

**9. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No 4) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 66 tahun 1968, di-sahkan.

**10. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen Undang<sup>2</sup> Eksais, 1961, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 67 tahun 1968, di-sahkan.

**11. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 68 tahun 1968, di-sahkan.

**12. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sarawak (Bab. 27), Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 69 tahun 1968, di-sahkan.

**13. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (Na. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 70 tahun 1968, di-sahkan.

**14. Menteri Kewangan** akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Ketas Undangan No. 71 tahun 1968, di-sahkan.

**15. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 5) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 72 tahun 1968, di-sahkan.

**16. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 73 tahun 1968, di-sahkan.

**17. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 4) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 74 tahun 1968, di-sahkan.

**18. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 6) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 75 tahun 1968, di-sahkan.

**19. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 7) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 76 tahun 1968, di-sahkan.

**20. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 5) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 77 tahun 1968, di-sahkan.

**21. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 8) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 78 tahun 1968, di-sahkan.

**22. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam

(Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 79 tahun 1968, di-sahkan.

**23. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 6) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 80 tahun 1968, di-sahkan.

**24. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 9) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 81 tahun 1968, di-sahkan.

**25. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 82 tahun 1968, di-sahkan.

**26. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 83 tahun 1968, di-sahkan.

**27. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 7) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 84 tahun 1968, di-sahkan.

**28. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 10) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 85 tahun 1968, di-sahkan.

**29. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undangan No. 86 tahun 1968, di-sahkan.

**30. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 87 tahun 1968, di-sahkan.

**31. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 11) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 88 tahun 1968, di-sahkan.

**32. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 12) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 89 tahun 1968, di-sahkan.

**33. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 90 tahun 1968, di-sahkan.

**34. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 7, Undang<sup>2</sup> Eksais, 1961, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 91 tahun 1968, di-sahkan.

**35. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 92 tahun 1968, di-sahkan.

**36. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais, Sarawak (Bab 27), Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 93 tahun 1968, di-sahkan.

**37. Menteri Kewangan akan menchadangkan:**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 13) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 97 tahun 1968, di-sahkan.

**38. Menteri Kewangan** akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 98 tahun 1968, di-sahkan.

**39. Perdana Menteri** akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (7) Sekshen 96 Act Malaysia, Perintah Persempadanan Bahagian<sup>2</sup> Pilehanraya (Sarawak), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini menurut sekshen-kecil (6) Sekshen 96 Act tersebut, sa-bagai menguatkuasakan tanpa perubahan, shor<sup>2</sup> yang terkandung dalam Penyata Surohanjaya Pilehanraya kepada Perdana Menteri, Malaysia, yang mengandongi shor<sup>2</sup> mereka berkenaan dengan Persempadanan Bahagian<sup>2</sup> Pilehanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sarawak, hendak-lah di-luluskan.

## RISALAT<sup>2</sup> YANG DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

1968	Tarikh di-bawa
Cmd. 3 ... Penyata Juru Odit Negara mengenai Kira <sup>2</sup> Negeri Melaka bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1966	7hb Mach, 1968
ST. 39 ... Perintah Yuran <sup>2</sup> Ukor (Pemereksaan Peta <sup>2</sup> , Pelan <sup>2</sup> dan Daftar <sup>2</sup> ), 1968	15hb Mach, 1968
1967	
ST. 112 ... Perintah Ubahsuaian Undang <sup>2</sup> (Menchegah Rasuah) (Lanjutan ka-Sarawak), 1967	18hb Mach, 1968
1968	
ST. 35 ... Perintah Ubahsuaian Undang <sup>2</sup> (Kanun Keseksaan dan Kanun Peratoran Jenayah) (Sarawak), 1968	19hb Mach, 1968
ST. 41 ... Importation of Publications (Prohibition) (Amendment) Order, 1968	21hb Mach, 1968
Cmd. 16 ... Penyata Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi Negeri <sup>2</sup> Tanah Melayu bagi tahun 1966	21hb Mach, 1968
ST. 47 ... Penyata Tahunan dan Penyata Kira <sup>2</sup> Bank Negara Malaysia bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1967	6hb April, 1968
ST. 43 ... Kaedah <sup>2</sup> Kereta <sup>2</sup> Barang <sup>2</sup> (Lesen <sup>2</sup> bagi Pemandu <sup>2</sup> ) (Pindaan), 1968	9hb April, 1968
ST. 44 ... Perintah Ubahsuaian Undang <sup>2</sup> (Pesuruhjaya <sup>2</sup> Sumpah) (Sabah) (Pembatalan), 1968	9hb April, 1968
Cmd. 2 ... Penyata Juru Odit Negara bagi Kira <sup>2</sup> Negri Sembilan bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1966	9hb April, 1968
Cmd. 22 ... Perintah Persempadanan Bahagian <sup>2</sup> Pilehanraya (Sarawak), 1968	11hb April, 1968
Cmd. 23 ... Perjanjian Talikom Antarabangsa (Montreux 1965) ...	11hb April, 1968
ST. 48 ... Pengishtiharan di-bawah Sekshen 3 (i) Ordinance (Memelihara), 1958—Negeri Pulau Pinang	16hb April, 1968
ST. 49 ... Pengishtiharan di-bawah Sekshen 3 (3) Ordinance (Memelihara) Ketenteraman 'Awam 1958—Daerah Krian	16hb April, 1968

1968	Tarikh di-bawa
ST. 50 ... Pengishtiharan di-bawah Sekshen 3 (3) Ordinance (Memelihara) Ketenteraman 'Awam 1958—Negeri Kedah	16hb April, 1968
ST. 51 ... Pengishtiharan di-bawah Sekshen 3 (3) Ordinance (Memelihara) Ketenteraman 'Awam 1958—Daerah <sup>2</sup> Butterworth, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal	16hb April, 1968
ST. 52 ... Pengishtiharan di-bawah Sekshen 3 (3) Ordinance (Memelihara) Ketenteraman 'Awam 1958—Daerah <sup>2</sup> Georgetown dan Balik Pulau	16hb April, 1968
ST. 46 ... Penyata Tahunan yang Kelima Pesuruhjaya Insuran bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1967	19hb April, 1968
ST. 45 ... Perintah Ubahsuaian Undang <sup>2</sup> (Kemajuan Tanah) (Ubahsuaian dan Lanjutan ka-Negeri <sup>2</sup> Borneo), 1967	20hb April, 1968
DR. 1 ... Penyata Jawatan-kuasa Kira <sup>2</sup> Wang Negara (Penggali Keempat) (Dewan Ra'ayat yang Kedua) di-bawah Peratoran Meshuarat 86 (1)	24hb April, 1968
Cmd. 20 ... Perjanjian antara Kerajaan <sup>2</sup> Negeri <sup>2</sup> Malaysia dan New Zealand bagi Perkhidmatan Udara dalam dan di-luar wilayah kawasan masing <sup>2</sup>	27hb April, 1968
Cmd. 17 ... Penyata Juru Odit Negara dan Pengarah Odit Sabah mengenai Kira <sup>2</sup> berbagai <sup>2</sup> Badan <sup>2</sup> Berkanun di-Sabah bagi tahun 1966	29hb April, 1968
ST. 55 ... Kaedah <sup>2</sup> Chukai Pendapatan (Elaun <sup>2</sup> Tahunan Loji yang Layak), 1968	4hb Mei, 1968
Cmd. 19 ... Penyata Juru Odit Negara mengenai Kira <sup>2</sup> bagi Negeri Perak bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1966	21hb Mei, 1968
Cmd. 13 ... Penyata Juru Odit Negara mengenai Kira <sup>2</sup> bagi Negeri Trengganu bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1966	24hb Mei, 1968
ST. 56 ... Perintah (Pengechualian daripada Chukai) Perbadanan Pasokan Perkhidmatan Kerja Antarabangsa, 1968	25hb Mei, 1968
Cmd. 21 ... Penyata Surohanjaya Pilehanraya mengenai Persempadanan Bahagian <sup>2</sup> Pilehanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sarawak	31hb Mei, 1968

## PERTANYAAN<sup>2</sup> BUKAN BAGI JAWAB MULUT

**1. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan Sekolah<sup>2</sup> Rendah dalam Negeri<sup>2</sup> di-Tanah Melayu yang menerima lebih daripada 500 orang pelajar.

**2. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan bangunan<sup>2</sup> sekolah yang di-gunakan pada bahagian pagi sahaja.

**3. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran memandangi kepada rendah-nya darjat sekolah<sup>2</sup>, terangkan apa langkah<sup>2</sup> yang sedang dijalankan supaya penyeliaan yang lebih rapi terhadap guru<sup>2</sup> dan pelajar<sup>2</sup> dapat di-laksanakan oleh guru<sup>2</sup> besar sekolah<sup>2</sup> dan lembaga nazir.

**4. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan Nazir<sup>2</sup> Sekolah yang di-ambil bekerja oleh Kementerian dan ada-kah beliau berpuas hati bahawa bilangan yang ada ini cukup untuk menasihati dan menyelia pengajaran di-sekolah<sup>2</sup> yang mana bilangan-nya sedang bertambah banyak; jika tidak, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang beliau sedang jalankan bagi membetulkan keadaan kekurangan ini.

**5. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan sekolah<sup>2</sup> yang ada mengajar bahasa China dan Tamil atas permintaan 15 orang ibubapa<sup>2</sup> atau lebeh yang berketurunan tersebut dalam mana bahasa<sup>2</sup> tersebut bukan menjadi bahasa<sup>2</sup> pengantar.

**6. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau akan mengambil langkah<sup>2</sup> meminda Undang<sup>2</sup> Pelajaran supaya bahasa China dan bahasa Tamil di-mestikan di-sekolah<sup>2</sup> yang ada 15 orang pelajar<sup>2</sup> atau lebeh yang berketurunan tersebut, memandangkan bahawa bahasa<sup>2</sup> ini ada-lah anak kunci kepada dua daripada kebudayaan<sup>2</sup> Asia yang paling tua dan terkaya.

**7. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pelajaran sebutkan nama dan tempat di-mana ada sekolah<sup>2</sup> Menengah Kebangsaan yang bahasa pengantar-nya Bahasa Kebangsaan sahaja.

**8. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan pelajar<sup>2</sup> dari Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan (Sekolah<sup>2</sup> Jurusan Melayu) yang telah lulus:

- (a) Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sejak ia di-mulakan;
- (b) Peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi sejak ia di-mulakan (keseluruhannya dalam bahasa Melayu kalau ada).

**9. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan pelajar<sup>2</sup> Sekolah Kebangsaan (Jurusan Melayu) yang telah di-terima masuk:

- (a) ka-Universiti Malaya;
- (b) ka-Maktab Pertanian;
- (c) ka-Maktab Teknik;
- (d) ka-Universiti Singapura;
- (e) ka-Kolej Islam;
- (f) ka-Maktab MARA; dan
- (g) ka-Badan<sup>2</sup> Pengajian Seberang-laut;

sejak di-adakan Sekolah<sup>2</sup> Menengah Kebangsaan (Jurusan Melayu).

**10. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa ada-lah tidak chuchuk dan tidak mungkin hendak menambah kecekapan guru<sup>2</sup> sedangkan mereka terpaksa mengajar darjah<sup>2</sup> yang besar dengan pelajar<sup>2</sup> sa-ramai 50 orang atau lebeh pada tiap<sup>2</sup> sa-buah dan adakah beliau sedar kesihatan guru<sup>2</sup> ini menderita sa-bagai akibat-nya.

**11. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah Surohanjaya Aziz berkenaan Gaji<sup>2</sup> dan syarat<sup>2</sup> perkhidmatan guru<sup>2</sup> dapat mengadakan laporan-nya, dan ada-kah beliau akan membuat kenyataan tegas bahawa Kerajaan bukan sahaja akan menerima malahan pasti akan melaksanakan shor<sup>2</sup> yang di-buat dalam laporan itu dengan tidak berlengah<sup>2</sup> lagi.

**12. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pelajaran menerangkan:

- (a) sama ada guru<sup>2</sup> ugama mengajar apa<sup>2</sup> mata pelajaran lain sa-lain daripada ugama di-sekolah<sup>2</sup> di-mana mereka di-tempatkan. Jika ya, apa-kah mata pelajaran-nya;
- (b) ada-kah mereka layak mengajar mata<sup>2</sup> pelajaran lain yang di-sebutkan itu dan jika tidak, apa-kah sebab-nya mereka juga di-kira dalam menentukan perimbangan pelajar<sup>2</sup>-guru di-sekolah<sup>2</sup>.

**13. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pelajaran menerangkan sa-kira-nya guru<sup>2</sup> ugama tidak layak mengajar lain<sup>2</sup> mata-pelajaran sa-lain daripada ugama, apa-kah kuasa beliau memaksa mereka supaya mengajar mata<sup>2</sup> pelajaran lain, dan sa-kira-nya beliau berkuasa untuk mengambil guru<sup>2</sup> yang tidada berkelayakan bekerja, ada-kah beliau sedar bahawa taraf pelajaran tentu akan jatuh.

**14. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pelajaran menerangkan:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa dengan menambah beban kerja ka-atas guru<sup>2</sup> dengan sa-wenang<sup>2</sup>-nya beliau telah mengurangkan kesan yang mendalam serta kecekapan khidmat perguruan dan bahawa pelajar<sup>2</sup>-lah yang paling merasa akibat burok-nya;
- (b) sudah-kah beliau mengkaji sa-mula kedudukan beban kerja yang bertambah ini memandang kepada pengalaman yang telah di-alami dalam masa lima bulan yang pertama tahun ini.

**15. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan pelajar<sup>2</sup> dalam Kelas Pelajaran Lanjutan dalam negeri ini yang sedang bersiap untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi pada tahun 1967 dan 1968.

**16. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa sa-bilangan besar pelajar<sup>2</sup> dalam sekolah<sup>2</sup> menengah terpaksa merentikan pengajian<sup>2</sup> mereka di-sebabkan oleh kenaikan yuran sekolah yang tinggi dan oleh kerana ini ada-lah berlawanan dengan hasrat<sup>2</sup> Kerajaan Perikatan yang telah di-lahirkan, ada-kah Kerajaan Perikatan akan membatalkan keputusan itu dan menjimatkan wang dalam perkara<sup>2</sup> lain seperti mendirikan Bangunan Kompleks Radio dan Talivishen di-Bukit Putra yang telah memakan belanja lebeh daripada \$20 million.

**17. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa sekolah<sup>2</sup> Menengah Kebangsaan Rendah di-Kampung Temdi, Kampung Polos Hinai dan Kampung Ganchong dalam Daerah Pekan Negeri Pahang tiada mempunyai Guru<sup>2</sup> Ugama Islam sejak beberapa tahun. Jika ya, mengapa-kah tidak di-tempatkan guru<sup>2</sup> ugama di-sekolah<sup>2</sup> itu dan bila-kah tindakan akan di-ambil.

**18. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah sebab beliau menggesa mula<sup>2</sup> daripada tahun 1967 supaya kesatuan<sup>2</sup> memilih 4 orang wakil<sup>2</sup> pada hal hanya sa-orang wakil sahaja yang di-kehendaki dan sa-orang lagi sa-bagai ganti ka-N.J.C.T. (Majlis Kebangsaan Bersama-guru<sup>2</sup>), dan ada-kah beliau sedar dengan alat kuasa ini, beliau telah melanggar peratoran.

**19. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa sedikit sahaja bilangan orang<sup>2</sup> Melayu terutama sekali mereka dari kawasan<sup>2</sup> luar bandar yang telah memilih untuk belajar di-Fakulti Pertanian, Universiti Malaya, jika sedar, apa-kah langkah<sup>2</sup> beliau berchadang hendak ambil untuk menggalakkan lebeh ramai lagi pelajar<sup>2</sup> Melayu mengikuti kursus pertanian di-Universiti Malaya.

**20. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pelajaran berikan butir<sup>2</sup> berkenaan "Sekolah Universiti" yang akan di-adakan bersama oleh Fakulti Pelajaran Universiti Malaya dan Kementerian Pelajaran pada awal tahun hadapan.

**21. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau betul bersungguh<sup>2</sup> hendak mewujudkan Majlis Kebangsaan Bersama Guru<sup>2</sup> (N.J.C.T.) pada bulan hadapan dan ada-kah beliau sedar bahawa kesatuan<sup>2</sup> guru<sup>2</sup> sudah beberapa lama mahukan supaya Majlis Kebangsaan Bersama Guru<sup>2</sup> di-wujudkan.

**22. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa dengan memasokkan guru<sup>2</sup> agama yang boleh mengajar hanya satu mata pelajaran ka-dalam perimbangan guru<sup>2</sup> berma'ana bahawa sa-orang guru lain yang layak mengajar tiga atau empat mata<sup>2</sup> pelajaran terpaksa di-keluarkan dan jika benar, ada-kah beliau akan mengeluarkan guru<sup>2</sup> agama dari kiraan perimbangan guru<sup>2</sup>.

**23. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan pelajar<sup>2</sup> yang gagal Peperiksaan Masok Tingkatan VI pada tahun yang lalu tetapi mendapat markah yang baik dalam Peperiksaan S.C./S.P.M. pada lewat tahun dan mendapat tempat dalam Tingkatan Enam Rendah tahun ini.

**24. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan pelajar<sup>2</sup> yang telah lulus Peperiksaan Tingkatan VI pada tahun lalu tetapi sa-lepas itu gagal atau pun mendapat markah rendah dalam Peperiksaan S.P./S.P.M. hinggakan mereka terpaksa keluar daripada Tingkatan Enam Rendah tahun ini.

**25. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah beliau mengetahui bahawa di-Pulau Pinang sa-orang bernama Chan Boon Tee telah gagal dalam Peperiksaan Masok Tingkatan Enam tahun lalu tetapi lewat pada tahun itu dalam Peperiksaan S.P./S.P.M. ia mendapat tujoh chemerlang;
- (b) ada-kah beliau mengetahui juga bahawa sa-orang bernama Teoh Hon Sen dari Sekolah Menengah San Tet, Ipoh, juga telah gagal dalam Peperiksaan Masok Tingkatan VI tetapi mendapat lapan chemerlang dalam Peperiksaan S.P./S.P.M. lewat pada tahun itu;
- (c) jika mengetahui boleh-kah beliau terangkan sebab<sup>2</sup> keputusan<sup>2</sup> yang berlawanan dari sangkaan ini.

**26. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak wang yang telah di-belanjakan kerana membayar Gaji di-sekolah<sup>2</sup> menengah dalam masa empat bulan yang pertama tahun ini, dan berapa banyak yang telah di-terima sa-chara yuran<sup>2</sup> sekolah daripada sekolah<sup>2</sup> menengah dalam masa empat bulan yang pertama tahun ini dengan memberikan angka<sup>2</sup> tersebut berasing<sup>2</sup> bagi bulan Januari, Februari, Mach dan April tahun 1968, dan angka<sup>2</sup> bagi bulan<sup>2</sup> yang sa-jajar dalam masa empat bulan yang pertama tahun 1967.

**27. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa kadar belanja hidup di-London telah meningkat naik dan bahawa biasiswa berharga £538 tiap<sup>2</sup> tahun yang telah di-mulakan bertahun<sup>2</sup> dahulu tiada-lah chukup pada hari ini. Jika sedar, bila-kah beliau akan menaikkan kadar<sup>2</sup> biasiswa untuk pelajar<sup>2</sup> Malaysia di-London.

**28. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pelajaran berikan jumlah yuran<sup>2</sup> sekolah yang telah di-pungut bagi empat bulan yang pertama tahun 1968, dengan memberikan angka<sup>2</sup> tersebut berasing<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> bulan serta angka untuk bulan<sup>2</sup> yang sa-jajar dalam tahun 1967.

**29. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah beliau sedar akan perlu-nya ada sa-buah Sekretariat tetap untuk memberi khidmat kepada semua badan<sup>2</sup> penuntut Malaysia di-United Kingdom;
- (b) oleh kerana wang mungkin jadi suatu faktor dalam penubohan sa-buah pertubohan seperti itu untuk badan penuntut<sup>2</sup> ada-kah beliau akan mengkaji penubohan ini dan memberikan bantuan kewangan sa-kira-nya di-minta.

**30. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri memandangkan kepada hal bahawa Ugama Islam ia-lah ugama negara Malaysia, ada-kah beliau akan mengambil langkah untuk meminda Perlembagaan supaya Mahkamah<sup>2</sup> Sha'ariah di-masokkan ka-dalam sistem kehakiman negeri ini guna menchegeh perbuatan<sup>2</sup> salah guna sa-kira-nya ada dan supaya ke'adilan dapat di-jalankan dengan betul dan patut. Jika tidak, ada-kah beliau akan mengambil langkah<sup>2</sup> untuk menentukan bahawa syarat untuk membuat rayuan<sup>2</sup> ka-mahkamah timbangan ke'adilan boleh di-buat dalam Undang<sup>2</sup> Mahkamah Sha'ariah.

**31. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan berhubong dengan seruan oleh CEUPACS supaya perundingan untuk gaji<sup>2</sup> yang adil di-mulakan bagi pegawai<sup>2</sup> Bahagian Empat khas-nya dan bagi mereka<sup>2</sup> dalam gulongan<sup>2</sup> perusahaan dan buroh kasar.

**32. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri mengapa-kah pegawai<sup>2</sup> dalam Bahagian satu dan lain<sup>2</sup> jawatan tertinggi di-berikan elaun<sup>2</sup> isteri dan anak sedangkan elaun<sup>2</sup> tersebut tidak pula di-berikan kepada pegawai<sup>2</sup> dalam tingkatan<sup>2</sup> rendah pada hal mereka-lah yang sangat memerlukan elaun<sup>2</sup> tersebut dan ada-kah beliau bersetuju bahawa amalan saperti itu ada-lah amalan beza membeza.

**33. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Perdana Menteri membuat suatu kenyataan berhubong dengan perbinchangan<sup>2</sup> pertahanan yang akan di-ada-kan pada awal bulan Jun, 1968 di-Kuala Lumpur.

**34. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan mengemukakan undang<sup>2</sup> memberi kuasa kepada mahkamah<sup>2</sup> membuat perintah supaya di-beri saraan daripada harta<sup>2</sup> mereka<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia untuk isteri<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup> mereka kerana mereka mengadakan peruntokan yang sedikit atau pun tiada langsung untuk tanggungan<sup>2</sup> mereka, ia-itu sa-laras dengan Undang<sup>2</sup> Waris (Peruntokan Keluarga) di-England.

**35. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Perdana Menteri memberikan butir<sup>2</sup> kenyataan beliau berhubong dengan niat Kerajaan hendak membuka 450,000 ekar tanah untuk penanaman padi di-Malaysia Timor, apa-kah usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan dan yang akan di-jalankan untuk menjadikan Malaysia Timor gedong padi bagi Malaysia.

**36. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri sama ada Kerajaan telah menimbang, sa-telah berunding dengan kedua<sup>2</sup> Majlis Kebangsaan Whitley akan kemungkinan hendak menurunkan umur bersara bagi pekerja<sup>2</sup> Kerajaan daripada 60 tahun kepada 55 tahun untuk menampung keperluan yang sa-makin bertambah dari orang<sup>2</sup> muda yang baharu berhenti sekolah dengan mempunyai kelayakan<sup>2</sup> yang chukup membanjiri pasaran penganggoran dan apa-kah keputusan-nya.

**37. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian:

- (a) apa-kah yang terjadi kepada tanah yang di-dapati dan di-majukan oleh Kerajaan Pusat untuk sa-buah Kawasan Kedutaan (Diplomatic Enclave) di-Jalan Duta dan ada-kah benar bahawa sa-buah sharikat kerjasama telah di-tubuhkan untuk membeli tanah di-situ;
- (b) jika benar, siapa-kah yang menjadi ahli<sup>2</sup> sharikat kerjasama tersebut; berapa-kah luas tanah dan berapa harga tanah yang telah di-jualkan kepada tiap<sup>2</sup> sa-orang ahli.

**38. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah benar bahawa beliau telah menerima suatu laporan lengkap akan sebab<sup>2</sup> maka darah lain telah di-berikan kepada Puan Catherine Siluvai Mary yang menyebabkan ia mati dan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang beliau telah jalankan untuk menchegeh berlaku-nya lagi kejadian<sup>2</sup> trajidi saperti ini dan sama ada apa<sup>2</sup> sagu hati telah di-bayar kepada tanggongan<sup>2</sup>-nya dan jika ada, berapa banyak-kah.

**39. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang beliau telah jalankan berhubong dengan aduan oleh sa-orang Ahli Majlis Meshuarat bagi Daerah Nibong Tebal berkenaan dengan kekasaran kakitangan<sup>2</sup> di-Rumah Sakit Sungei Bakap.

**40. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan apa-kah usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan bagi mengesan tuan<sup>2</sup> punya barang<sup>2</sup> yang tersimpan di-rumah<sup>2</sup> sakit sa-belum barang<sup>2</sup> tersebut yang nilai<sup>2</sup>-nya tinggi juga, diserahkan kepada Kerajaan dan di-anggap sa-bagai hasil negeri.

**41. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Kesihatan berikan kadar yang di-luluskan bagi bayaran pembedahan, pakar dan X-ray yang dikenakan di-rumah<sup>2</sup> sakit Kerajaan kerana rawatan atas kakitangan<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-terangkan dalam Jadual Pertama Ordinan Pekerjaan, No. 38 tahun 1955.

**42. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah beliau akan menimbang merangkakan suatu tingkatan bayaran yang di-kurangkan khas kerana khidmat<sup>2</sup> pakar, bedahan dan X-ray yang terpakai kepada pekerja<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-terangkan dalam Jadual Pertama Ordinan Pekerjaan, No. 38 tahun 1955.

**43. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa Ranchangan Malaysia Yang Pertama menjangkakan ada 1,112 orang doktor dalam Perkhidmatan Kerajaan menjelang tahun 1971, sedangkan jawatan yang di-untokkan ia-lah sa-ramai 720 orang doktor<sup>2</sup> pada tahun ini dan bahawa Kerajaan patut menambahkan bilangan jawatan sa-banyak 130 jawatan<sup>2</sup> lagi sa-kurang<sup>2</sup>-nya pada tiap<sup>2</sup> tahun sa-hingga tahun 1971;
- (b) apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah beliau jalankan bagi menambah bilangan jawatan<sup>2</sup> dalam perjawatan itu untok mengatasi kekurangan doktor<sup>2</sup> yang amat sangat dalam Perkhidmatan Kerajaan terutama sa-kali di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

**44. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah benar bahawa semua jawatan<sup>2</sup> untok pegawai<sup>2</sup> perubatan bagi tahun ini telah pun di-penuhi, jika benar, dapat-kah beliau terangkan berapa bilangan doktor yang telah membuat permohonan meminta kerja tahun ini tetapi tiada diambil berkerja oleh Kerajaan.

**45. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah beliau akan merentikan segera pengambilan doktor<sup>2</sup> asing memandag kepada hal bahawa ada-nya doktor<sup>2</sup> tempatan yang tidak mendapat kerja dalam perkhidmatan Kerajaan.

**46. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaannya sama ada beliau telah mendapat apa<sup>2</sup> kejayaan dalam usaha-nya hendak mendapatkan negara<sup>2</sup> pengeluar getah supaya menstebelkan harga getah.

**47. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar bahawa keputusan hendak memberikan taraf perintis kepada Central Sugars telah di-ketahui oleh sa-tengah<sup>2</sup> ahli perniagaan yang berpengaruh dan yang berhubung rapat dengan Perikatan dua hari sa-belum pengumuman di-buat dan ini telah menyebabkan suatu rebutan untuk mendapatkan saham<sup>2</sup> Central Sugars hingga Pasaran Saham terpaksa merentikan perniagaan-nya buat beberapa ketika. Jika ya, boleh-kah beliau terangkan bagaimana ma'alumat ini telah bochor dan adakah beliau akan memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak champor melakukan perbuatan<sup>2</sup> saperti ini.

**48. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) ada-kah beliau akan menimbang membawakan badan<sup>2</sup> yang berikut, mithal-nya, FIDA, TAB, IDD di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan serta M.I.D.F.L., SIM, dan lain<sup>2</sup> lagi dalam sa-buah bangunan, kerana mengikut sa-bagaimana yang beliau ketahui sa-orang ahli perniagaan biasa tentu akan sesat sa-kira-nya ia terpaksa berulang alek menerusi semua burokrasi yang ada di-pejabat<sup>2</sup> yang tersebut di-atas;
- (b) apa-kah langkah<sup>2</sup> yang beliau telah jalankan bagi merengkaskan perkara<sup>2</sup> untuk sa-orang bakal ahli perniagaan.

**49. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang Kerajaan sedang jalankan bagi memperbaiki mutu dan mengurangkan harga pembuatan di-ladang<sup>2</sup> getah kecil dan sudah-kah Kerajaan menimbang menguruskan ladang<sup>2</sup> tersebut atas dasar kerjasama atau oleh badan<sup>2</sup> pengurusan.

**50. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan :

- (a) ada-kah benar bahawa Kilang Tepong Bersatu Malaya (United Malayan Flour Mill) di-Butterworth tidak menjual tepung-nya kepada peniaga<sup>2</sup> tepung tetapi hanya kepada pemegang<sup>2</sup> saham-nya yang berniaga tepung, dan jika ya, apa sebab-nya berlaku sa-demikian;
- (b) ada-kah beliau sedar bahawa sa-kira-nya sharikat yang di-sebutkan itu membahagikan tepung<sup>2</sup>-nya kepada semua peniaga<sup>2</sup> maka unsur persaingan ini akan dapat mengurangkan harga tepung dan menurunkan harga belanja atas pengguna<sup>2</sup>.

**51. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian beliau untuk menjaga nelayan<sup>2</sup> daripada di-rompak oleh lanun<sup>2</sup> di-Selat Melaka.

**52. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah Mr T. T. Rajah sa-orang Peguam Bela dan Peguam Chara Mahkamah Tinggi Malaya yang bekerja di-Singapura, tidak di-benarkan masuk ka-Malaya apabila ia dalam perjalanan-nya hendak membela sa-orang daripada anak-guam-nya di-Pontian; walau apa<sup>2</sup> sebab pun, ada-kah masa bagini yang elok sekali untuk menahan dia daripada masuk; ada-kah Kerajaan menganggap sa-orang Peguam Bela dan Peguam Chara sa-bagai sa-orang pegawai mahkamah.

**53. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah sa-orang Filipino bernama Rani bin Najatuah di-tahan sa-lama lebeh daripada 24 jam dengan tidak menyatakan tuduhan<sup>2</sup> terhadap-nya.

- 54. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:
- (a) ada-kah tunjok perasaan oleh 16 orang ahli<sup>2</sup> M.I.C. chawangan Pulau Pinang yang di-lancharkan di-luar Ibu Pejabat UMNO Georgetown pada 3hb April, 1968, mendapat kebenaran daripada polis;
  - (b) jika tunjok perasaan ini di-jalankan tanpa kebenaran polis, ada-kah apa<sup>2</sup> tindakan polis yang telah di-ambil terhadap kejadian ini, jika tidak, mengapa;
  - (c) jika tunjok perasaan ini tidak mendapat kebenaran polis dan polis tidak mengambil apa<sup>2</sup> tindakan, ada-kah Kerajaan Perikatan akan mengambil pengawasan yang lebeh ketat mengenai tunjok<sup>2</sup> perasaan oleh ahli<sup>2</sup> Parti Perikatan dan ahli<sup>2</sup> dari Parti Pembangkang.
- 55. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan ada-kah beliau sedar, memandangkan bahawa ahli<sup>2</sup> politik yang di-tahan di-bawah Undang<sup>2</sup> Keselamatan Dalam Negeri bukan-nya orang<sup>2</sup> bersalah dan tidak pernah ditudoh melakukan jenayah, mereka tidak harus di-buat saperti orang<sup>2</sup> bersalah ia-itu mereka di-gari sa-masa di-bawa dari sa-tempat ka-sa-tempat umpamanya sa-masa mereka hendak pergi berjumpa doktor. Jika sedar, dapat-kah beliau memberi angka<sup>2</sup> menunjukkan bilangan orang<sup>2</sup> tahanan ini yang telah dapat melepaskan diri dari tahanan sejak Hari Merdeka tahun 1957.
- 56. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dapat-kah beliau memberi nama<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> tahanan yang telah di-bebaskan antara 1hb Januari hingga 30 hb April, 1968, dari tempat<sup>2</sup> berikut: Taiping, Batu Gajah, Muar, Kuching dan Sabah dan mengasingkan nama<sup>2</sup> mereka bagi tiap<sup>2</sup> tempat.
- 57. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dapat-kah beliau memberi nama<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> tahanan yang telah di-tahan antara 1hb Januari, 1968, hingga 30hb April, 1968, di-tempat<sup>2</sup> yang berikut:
- (a) Taiping,
  - (b) Batu Gajah,
  - (c) Muar,
  - (d) Kuching, dan
  - (e) Sabah dan, menyatakan nama<sup>2</sup> mereka berasing<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> tempat.
- 58. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah bilangan orang<sup>2</sup> yang di-hantar balek ka-Republik China tetapi tidak di-terima oleh Negeri itu.
- 59. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah bilangan orang<sup>2</sup> yang di-buang negeri kerana kesalahan<sup>2</sup> politik sejak 1948 hingga Disember, 1967 dengan memberi angka<sup>2</sup> yang berasingan bagi tiap<sup>2</sup> tahun.
- 60. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah bilangan orang<sup>2</sup> yang telah di-tarek balek kera'ayatan dan di-buang negeri sejak 1hb Disember 1967 hingga 31hb Mei, 1968, dengan memberi angka<sup>2</sup> yang berasingan bagi tiap<sup>2</sup> tahun.
- 61. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau sedar, sungguh pun anggota<sup>2</sup> polis telah bekerja keras menangkap kumpulan<sup>2</sup> perompak, kesah<sup>2</sup> jenayah maseh lagi menjadi<sup>2</sup> terutama di-Ibu Kota Persekutuan dan bandar<sup>2</sup> besar, dan jika sedar apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk mengawal kejadian<sup>2</sup> jenayah.

**62. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau telah menubuhkan sa-buah jawatan-kuasa untok menyiasat tentang kekerasan yang di-gunakan terhadap orang<sup>2</sup> tahanan oleh Ahli<sup>2</sup> Pasokan Polis Simpanan di-Batu Gajah sa-bagai yang telah di-persetujukan oleh Perdana Menteri dengan ahli<sup>2</sup> Parti Buroh.

**63. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan mengapa-kah tidak ada apa<sup>2</sup> tindakan yang di-ambil untok membenarkan orang<sup>2</sup> tahanan di-Blok<sup>2</sup> A, B, dan C di-Kemah Tahanan di-Batu Gajah untok berjumpa antara satu sama lain sa-bagai yang telah di-persetujukan.

**64. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan bagaimana-kah wader<sup>2</sup> di-pilih untok memasoki perkhidmatan penjara, ada-kah jawatan<sup>2</sup> ini di-iklankan dan jika ya, dapat-kah beliau memberi tarikh<sup>2</sup> iklan<sup>2</sup> ini di-siarkan dalam tempoh 3 tahun yang lalu.

**65. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan ada-kah beliau akan mengambil langkah<sup>2</sup> supaya gaji wader<sup>2</sup> penjara di-samakan dengan gaji anggota<sup>2</sup> polis, jika tidak, mengapa.

**66. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan ada-kah bekalan ayer di-beri perchuma kepada wader<sup>2</sup>, jika tidak bagaimana-kah bayaran ayer ini di-potong dari gaji<sup>2</sup> wader terutama mereka<sup>2</sup> dari Penjara Pudu.

**67. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan ada-kah beliau sedar bahawa sa-tengah<sup>2</sup> pegawai<sup>2</sup> penjara menyuroh orang<sup>2</sup> salah bekerja<sup>2</sup> di-taman rumah mereka dan jika sedar ada-kah beliau akan mengambil langkah supaya ini di-berhentikan.

**68. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah bilangan orang<sup>2</sup> yang telah di-tarek balek kera'ayatan mereka sejak Hari Merdeka tahun 1957 dan berapa ramai daripada mereka yang di-tarek kera'ayatan mereka kerana kekachauan antara kaum<sup>2</sup> di-Utara Malaya dengan memberi angka<sup>2</sup> berasingan bagi tiap<sup>2</sup> tahun hingga penghujung tahun 1967.

**69. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dapat-kah beliau memberi nama<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> dari Negeri<sup>2</sup> di-Malaya yang telah di-bebaskan dari tahanan tetapi terpaksa patoh kepada syarat<sup>2</sup> hidup berkurong dan bila-kah syarat<sup>2</sup> ini mula di-kenakan.

**70. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah Dato' Kampo Radjo maseh tidak di-bebaskan daripada syarat<sup>2</sup> hidup berkurong yang di-kenakan ka-atas-nya sejak ia di-bebaskan dari tahanan.

**71. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah orang<sup>2</sup> yang telah di-bichara kerana kekachauan yang berlaku di-Pulau Pinang, Province Wellesly dan Utara Malaya baru<sup>2</sup> ini. Jika ada, apakah kesalahan<sup>2</sup> mereka dan apa-kah hukuman<sup>2</sup> yang telah di-jatuhkan ka-atas mereka. Jika tidak, apa-kah sebab-nya mereka di-tudoh di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri dan tidak undang<sup>2</sup> biasa di-negeri ini.

**72. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah ahli<sup>2</sup> Tentera Sabilullah telah di-bicharakan dan jika sudah, apa-kah nama<sup>2</sup> mereka, jika tidak, mengapa.

**73. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang<sup>2</sup> yang telah memohon kera'ayatan tetapi di-tolak sa-takat 31hb Mei, 1968.

**74. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya maka Polis di-Sabah terpaksa menunggu arahan dari Kuala Lumpur untuk mengenakan tuduhan ka-atas Rani atau Arani bin Najatuah yang telah di-tangkap bersama<sup>2</sup> 26 orang Filipino yang lain dan ada-kah arahan<sup>2</sup> ini di-minta dan jika ya, apa-kah jawapan yang telah di-beri.

**75. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dapat-kah beliau menyatakan dengan terang-nya, dalam negeri ini, ada-kah sa-saorang yang telah di-tangkap berhak membela diri-nya dengan bantuan sa-orang peguam pilihan-nya sendiri, dan jika ya, mengapa-kah peguam<sup>2</sup> ini tidak di-benarkan berjumpa dengan orang<sup>2</sup> yang telah di-tangkap oleh polis sebagai yang berlaku kepada Tuan Syed Hassan Aljifri peguam bagi sa-orang yang bernama Lew Soo Ha, yang telah mengadu di-Mahkamah bahawa beliau tidak di-benarkan berjumpa dengan orang yang di-tangkap sa-lama dua minggu.

**76. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di-bawah syarat<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> mana-kah Pendaftar Pertubohan<sup>2</sup> di-beri kuasa menolak pendaftaran sa-sabua Pertubohan jika pada pendapat-nya nama Pertubohan ini tidak di-ingini dengan tidak memberi apa<sup>2</sup> sebab.

**77. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh memandangkan kepada bantahan mengenai keputusan Mahkamah Perusahaan mengenai gaji<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> Estet baru<sup>2</sup> ini apa-kah pindaan<sup>2</sup> beliau berchadang hendak membuat terhadap Act Perhubungan Perusahaan 1967 (Industrial Relations Act) dan bila.

**78. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau bersetuju bahawa perkataan "mahkamah" yang di-gunakan pada "Mahkamah Perusahaan" tidak tepat kerana sa-benar-nya ini ada-lah sa-buah badan perhakiman pentadbiran yang tidak bebas tetapi tertalok kepada Menteri dan tidak terkandung dalam lengkungan undang<sup>2</sup> perhakiman dalam negeri ini, dan jika ya, ada-kah beliau akan mengemukakan pindaan<sup>2</sup> yang sesuai kepada Act ini.

**79. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh mengapa-kah persatuan<sup>2</sup> tidak di-beri kebenaran di-bawah Act Perhubungan Perusahaan untuk membawa persengketaan ka-Mahkamah Perusahaan, dan ada-kah beliau akan meminda Act ini untuk membenarkan hak ini memandangkan bahawa beberapa persatuan<sup>2</sup> kecil tidak dapat menyelesaikan persengketaan mereka kerana tidak mendapat layanan dari pegawai<sup>2</sup> Kementerian beliau.

**80. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar bahawa, sungguh pun Act Perhubungan Perusahaan tidak membenarkan majikan<sup>2</sup> atau satu persatuan pekerja majikan<sup>2</sup> memulaukan pekerja<sup>2</sup> mereka Act ini telah memberi mereka hak<sup>2</sup> yang tidak terbatas untuk mengelak syarat<sup>2</sup> Act ini dengan memberhentikan pekerja<sup>2</sup>, dan dengan tidak sa-chara langsung membuat sa-suatu yang di-tegah sa-bagaimana yang berlaku dalam Perusahaan Dolomite dan Gudang Manchis Sincere, dan jika sedar, ada-kah beliau akan mengambil langkah, untuk membetulkan syarat<sup>2</sup> ini, jika tidak, mengapa.

**81. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) ada-kah apa<sup>2</sup> tindakan yang telah di-ambil mengikut Act tahun 1965 untuk mengurangkan persatuan<sup>2</sup> yang tidak berwakil, dan ada-kah Kementerian beliau telah dapat mengurangkan bilangan persatuan<sup>2</sup> pekerja yang kecil yang berjumlah 304 sebagai yang telah di-senarai-kan oleh mereka hingga tinggal 67 buah sebagai yang di-chadangkan

oleh mereka kepada Kongeres Kesatuan Sa-kerja atau hingga tinggal 10 buah sebagai yang di-chadangkan oleh Kongeres Kesatuan Sa-kerja kepada mereka, jika tidak, mengapa;

(b) ada-kah menjadi kehendak Kerajaan hendak melemahkan persatuan<sup>2</sup> ini dan berpechah belah supaya pekerja<sup>2</sup> dapat menjadi alat majikan<sup>2</sup>.

**82. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah apa<sup>2</sup> syarat dalam Act yang memberi kuasa bertindak terhadap majikan yang (a) enggan mengitirafkan sa-suatu kesatuan; dan (b) enggan menjalankan sa-suatu keputusan yang di-buat oleh Mahkamah Perusahaan; dan apa-kah syarat<sup>2</sup> itu.

**83. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh mengapa-kah tidak ada syarat dalam Act Perhubungan Perusahaan bagi melanjutkan dan menjalankan keputusan yang telah di-buat oleh Mahkamah Perusahaan mengenai perusahaan yang berkenaan kepada perusahaan<sup>2</sup> lain yang serupa atau ada berkaitan.

**84. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh mengapa-kah tidak ada syarat dalam Act Perhubungan Perusahaan membolehkan keputusan di-buat masa enam bulan kebelakangan mulaï daripada tarikh persengketaan itu berlaku kerana kechuaian majikan<sup>2</sup> dan Kementerian beliau dan dengan kerana itu penyelesaian persengketaan di-lakukan sa-lepas enam bulan atau beberapa tahun kemudian.

**85. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah perkataan "mogok" sebagai yang di-terangkan di-Bahagian 2 Act Perhubungan Perusahaan 1967 bermaana juga engkar bekerja lebeh masa, dan jika ya, ada-kah menjadi tujuan Kerajaan memaksa orang<sup>2</sup> bekerja sa-masa rehat mereka untuk majikan<sup>2</sup> mereka; jika tidak, ada-kah beliau akan mengambil langkah meminda ta'arif perkataan ini.

**86. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar bahawa Mahkamah Perusahaan sebagai yang ada sekarang ini yang mengandongi sa-orang Yang di-Pertua dan 3 orang Ahli<sup>2</sup> memberi kuasa penoh kepada Yang di-Pertua kerana undi pemutus-nya, dan jika ya, ada-kah beliau akan meminda Act ini supaya bilangan ahli<sup>2</sup> Mahkamah ini ganjil, sebagai yang biasa di-buat bagi tiap<sup>2</sup> badan perhakiman di-mana<sup>2</sup> saja di-dunia ini.

**87. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah pekerja<sup>2</sup> yang bekerja dalam dua perusahaan yang besar ia-itu perusahaan kadang dan lombong termasuk dalam ranchangan keselamatan masharakat perchubaaan.

**88. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh apa-kah langkah<sup>2</sup> beliau berchadang hendak mengambil supaya pekerja<sup>2</sup> ladang dan pekerja<sup>2</sup> lombong termasuk dalam ranchangan keselamatan masharakat perchubaaan.

**89. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah adil bagi pekerja<sup>2</sup> ladang dan pekerja<sup>2</sup> lombong di-keluarkan daripada ranchangan keselamatan masharakat perchubaaan.

**90. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar bahawa majikan<sup>2</sup> telah menuntut supaya tidak bertanggung-jawab membayar bayaran rawatan pakar, pembedahan dan X-ray kepada pekerja<sup>2</sup> yang berhak mendapat rawatan hospital kelas 3 yang di-bayar oleh majikan<sup>2</sup> sa-lama tempoh 30 hari (bahagian 183 Kanun Buroh F.M.S. Cap. 154) apabila pekerja<sup>2</sup> ini telah di-masokkan ka-wad<sup>2</sup> kelas dua di-Hospital<sup>2</sup> Kerajaan dan

ini telah menjadi beban kepada pekerja<sup>2</sup> yang berkenaan, dan jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil atau akan di-ambil supaya mengurangkan kesusahan pekerja<sup>2</sup> ini.

**91. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh dapat-kah beliau meminda bahagian<sup>2</sup> 183 hingga 188 Kanun Buroh F.M.S. Cap. 154 supaya pekerja<sup>2</sup> tidak payah membayar bayaran pembedahan, bayaran khas dan bayaran X-ray sebagai yang di-terangkan di-Jadual Pertama Ordinance Pekerjaan No. 38 tahun 1955 sama ada pekerja<sup>2</sup> ini di-rawat di-wad<sup>2</sup> kelas<sup>2</sup> dua atau tiga di-hospital<sup>2</sup> Kerajaan.

**92. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh apa-kah rancangan beliau untuk memberi pekerjaan lain kepada 3,000 orang pekerja<sup>2</sup> Waterfront Pulau Pinang yang mungkin akan tiada pekerjaan apabila kerja<sup>2</sup> pelabohan berpindah ka-Butterworth pada pertengahan tahun 1968.

**93. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh dengan bermuafakat dengan Kementerian yang berkenaan, ada-kah beliau berchadang memasokkan pekerja<sup>2</sup> pelabohan di-Pulau Pinang yang tidak ada pekerjaan itu masok ka-dalam rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

**94. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh dapat-kah beliau memberi butir<sup>2</sup> ringkas mengenai pekerjaan Lembaga Buroh Pelabohan Pulau Pinang dengan memberi bilangan pekerja<sup>2</sup> di-bawah kuasa-nya, gaji<sup>2</sup> mereka dan harapan mereka pada masa hadapan.

**95. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau akan menyuruh Lembaga Buroh Pelabohan Pulau Pinang untuk menyiarkan laporan pekerjaan-nya bagi tahun 1967 untuk di-bentangkan di-Dewan Ra'ayat dengan segera.

**96. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh memandangkan bahawa banyak kemalangan<sup>2</sup> yang berlaku di-sebabkan oleh tanah<sup>2</sup> runtuh di-lumbong<sup>2</sup> yang lama mengakibatkan kematian beberapa orang pekerja<sup>2</sup>, apa-kah tindakan yang telah di-ambil atau akan di-ambil untuk mengurangkan kejadian<sup>2</sup> bagini.

**97. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh mengapa-kah Pendaftaran Kesatuan Sekerja tidak mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Kejenteraan Sri Jaya (P.T.M.) sa-telah Act Persatuan Pekerja<sup>2</sup> No. 81 tahun 1965 di-luluskan kerana Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Pengangkutan Persekutuan Tanah Melayu sudah ada.

**98. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh dapat-kah beliau memberi satu senarai perjanjian<sup>2</sup> di-buat di-Mahkamah Perusahaan sejak 7hb Ogos, 1967 hingga hari ini dengan menyatakan pehak<sup>2</sup> yang terlibat dan jenis persengketaan itu satu persatu-nya.

**99. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh dapat-kah beliau memberi satu senarai perentah<sup>2</sup> perubahan yang di-buat di-Mahkamah Perusahaan mengenai perjanjian<sup>2</sup> bersama mulai 7hb Ogos, 1967 hingga 30hb April, 1968.

**100. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh dapat-kah beliau memberi satu senarai mengenai persengketaan<sup>2</sup> yang di-bawa ka-Mahkamah Perusahaan mulai 7hb Ogos, 1967 hingga 30hb April, 1968, dengan memberi nama<sup>2</sup> pehak yang terlibat dan keputusan<sup>2</sup> yang di-buat ka-atas persengketaan ini.

**101. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh berapa ramai-kah Merinyu<sup>2</sup> Jentera yang bekerja di-Kementerian beliau (a) pada tahun 1958 dan (b) tahun 1968.

**102. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh berapa banyak-kah kemalangan<sup>2</sup> yang telah berlaku ka-atas pekerja<sup>2</sup> di-gudang<sup>2</sup> sa-lama lima tahun yang lalu dan berapa ramai daripada-nya yang parah.

**103. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh berapa banyak tuduhan<sup>2</sup> yang di-buat oleh pegawai<sup>2</sup> Kementerian beliau kerana melanggar undang<sup>2</sup> keselamatan dalam gudang<sup>2</sup> dan berapa-kah daripada-nya yang telah di-bebaskan.

**104. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar bahawa pekerja<sup>2</sup> yang bekerja dengan Sharikat Omnibus, Klang dan Port Swettenham tidak menerima resit kumpulan Wang Pekerja<sup>2</sup> sa-lama tiga tahun yang lepas, dan jika sedar, ada-kah beliau akan menyiasat perkara ini.

**105. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh bila-kah kes<sup>2</sup> yang berikut antara Kesatuan Pengangkutan Pekerja<sup>2</sup> dan majikan<sup>2</sup> mereka di-bawa ka-Mahkamah telah di-rojok kepada Mahkamah Timbang Antara dan di-bereskan :

(a) Sharikat Omnibus Selangor; dan

(b) Sharikat Bas Wai Thong.

**106. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh berapa-kah bilangan kesatuan<sup>2</sup> yang mempunyai ahli<sup>2</sup> kurang daripada 100 orang.

**107. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh mengapa-kah Kementerian beliau enggan membenarkan Kesatuan Kebangsaan Pekerja<sup>2</sup> Perusahaan Membuat Minuman memberi layanan kepada pekerja<sup>2</sup> membuat makanan dan apa-kah dasar Kerajaan tentang perkara ini.

**108. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh mengapa Kementerian beliau gagal bertindak menurut syarat<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang di-luluskan pada tahun 1965 yang memberi kuasa kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja untok membatalkan persatuan<sup>2</sup> kecil dan ada-kah benar bahawa tindakan hanya di-ambil ka-atas persatuan<sup>2</sup> sa-mata<sup>2</sup> berdasarkan gabungan politik persatuan<sup>2</sup> ini.

**109. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah dia akan menimbang menubuhkan sa-buah Majlis Gaji<sup>2</sup> di-bawah Ordinance Majlis Gaji<sup>2</sup>, bagi pekerja<sup>2</sup> dalam Ladang<sup>2</sup> yang di-pechah<sup>2</sup>kan dan Kebun<sup>2</sup> kecil lain yang pekerja<sup>2</sup>-nya tidak mempunyai kesatuan sa-kerja dan tidak di-bayar gaji dengan kadar yang tidak berdasarkan timbang rasa dan terta'alok kepada syarat<sup>2</sup> kerja yang tidak berperikemanusiaan.

**110. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh menurut kuasa yang terserah kepada-nya di-bawah Sekshen 23 Act Perhubungan Perusahaan, 1967, dia telah memaksa sa-tengah<sup>2</sup> kesatuan sa-kerja yang besar supaya membawa pertikaian<sup>2</sup> ka-Mahkamah Perusahaan dan dengan demikian menyentoh kepentingan Kesatuan<sup>2</sup> Sa-kerja dan Pekerja<sup>2</sup> yang mereka wakili, sedangkan kesatuan<sup>2</sup> sa-kerja itu boleh mendesak dan mengajak majikan<sup>2</sup> supaya bersetuju kepada kehendak<sup>2</sup> mereka sesuai dengan prinsip<sup>2</sup> tawar menawar sa-chara berkumpul yang sudah terbukti dan demokratik itu, dan jika ya, ada-kah dia sedar akan kesan<sup>2</sup> burok yang telah di-akibatkan oleh perbuatan<sup>2</sup> yang sa-wenang<sup>2</sup> itu dalam negeri ini.

**111. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah dia sedar bahawa :

(a) pehak Pengurus Malaysian Air Charter telah enggan mengi'tiraf Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Sharikat Penerbangan sunggoh pun kira<sup>2</sup> 20 orang daripada kira<sup>2</sup> 40 orang pekerja-nya telah memasoki Kesatuan itu;

- (b) pada 18hb Mach, 1968, 13 orang daripada 20 orang pekerja<sup>2</sup> tersebut telah di-berhentikan oleh Malaysian Air Charter;
- (c) pada 25hb Mach, 1968 sa-buah laporan telah di-kemukakan kepada Kementerian-nya meminta dia champor tangan dalam pemberhentian beramai<sup>2</sup> itu atau merujokkan pertikaian itu ka-Mahkamah Perusahaan;
- (d) jika ya, apa-kah tindakan dia telah ambil untok menghindarkan aniaya ka-atas pekerja<sup>2</sup> Malaysian Air Charter tersebut yang hanya berdosa kerana mereka hendak memasoki Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Sharikat Penerbangan untok mewakili mereka.

**112. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar akan berita<sup>2</sup> yang tidak menyenangkan baharu<sup>2</sup> ini tentang benda<sup>2</sup> mendap yang berat dan terjadi terus menerus di-dalam pangkalan ayer dalam baharu yang sedang di-bena di-Butterworth yang perlu di-korek terus menerus, dan jika sedar, apa-kah langkah<sup>2</sup> dia telah ambil atau berchadang hendak ambil untok menentukan keadaan sa-benar-nya.

**113. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan sama ada peranchang<sup>2</sup> pangkalan ayer dalam yang baharu di-Butterworth telah men-jangka pemendapan yang deras dalam pangkalan<sup>2</sup> ayer dalam dan ada-kah dia akan menyatakan shor<sup>2</sup> mereka dalam peringkat peranchangan dalam perkara yang tertentu ini.

**114. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan berapa tambah-nya perbelanjaan yang dapat di-anggarkan kerana benda<sup>2</sup> mendap yang banyak itu dalam pangkalan ayer dalam ka-atas anggaran asal sa-banyak \$55 juta bagi seluroh ranchangan itu.

**115. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia akan mengambil pakar<sup>2</sup> bebas bagi menjalankan satu penyiasatan terhadap perkembangan baharu pada pangkalan ayer dalam untok menentukan masaalah<sup>2</sup> yang bersangkutan paut dan membuat shor<sup>2</sup> bagi mengatasi-nya.

**116. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan jika dia sedar bahawa rasa amat tidak senang telah di-rasakan oleh pertubohan<sup>2</sup> perkapalan dan perdagangan terhadap berita baharu<sup>2</sup> ini berkenaan dengan benda<sup>2</sup> yang terus menerus mendap dengan banyak-nya di-pangkalan ayer dalam di-Pulau Pinang yang sedang di-bena itu dan ada-kah dia akan mem-buat satu kenyataan yang tegas mengenai kedudukan perkara ini bagi mere-dakan kekhuatiran orang ramai.

**117. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan jika per-khidmatan feri Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang telah bertambah baik kecekapan-nya sa-lepas ada-nya dalam bulan Januari, 1968, suatu sistem baharu yang berkehendakkan tambang di-kutip di-pantai Pulau Pinang sahaja.

**118. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pengangkutan butir<sup>2</sup> mengenai lalulintas perkhidmatan feri Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang bagi bulan Oktober, November dan Disember, 1967 dan bulan Januari, Februari dan Mach, 1968, seperti berikut :

TAMBAH DI-KUTIP—

Bil.	1967			1968		
	Okt. \$	Nov. \$	Dis. \$	Jan. \$	Feb. \$	Mach \$
Bilangan penumpang yang di-bawa ... ..						
Bilangan kenderaan penum-pang suwa yang di-bawa ...						
Bilangan kenderaan perda-gangan yang di-bawa ...						

**119. Dr Tan Chee Khoon** minta kepada Menteri Pengangkutan memberikan angka<sup>2</sup> mengenai kakitangan yang bekerja dengan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang menurut gulongan sa-bagaimana pada 31hb Mach, 1968.

**120. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah<sup>2</sup> dia sudah ambil untuk menghindar kemalangan keretapi.

**121. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pengangkutan berapa bilangan kakitangan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura menurut tiap<sup>2</sup> jawatan yang berikut :

1. Penyambut.
2. Pelayan Penerbangan.
3. Jurutera Pangkalan.
4. Jurutera Penerbangan.
5. Pelateh Pemandu.
6. Anak Kapal Pangkalan.
7. Tukang Dalam Latehan, dengan memberi angka<sup>2</sup> yang berasingan menurut sama ada mereka itu (a) ra'ayat Malaysia; atau (b) ra'ayat Singapura.

**122. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah dia sedar bahawa sa-orang bekas kapten Chow mengaku bersalah kerana menyalahgunakan wang sa-banyak \$83,437 pada 16hb April, 1968 dan apa-kah langkah<sup>2</sup> lanjut yang telah di-ambil-nya untuk menghindar hilang-nya lagi wang yang sa-demikian banyak yang telah merupakan amalan yang berulang kali di-lakukan oleh pehak tentera akhir<sup>2</sup> ini.

**123. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian memandangkan keadaan<sup>2</sup> sa-tengah<sup>2</sup> ranchangan tanah pinggir yang tidak memuaskan itu sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh Juru Odit Negara dalam laporan-nya bagi tahun 1965, ada-kah dia akan menimbang memperuntukkan tanah tersebut kepada orang<sup>2</sup> lain yang barangkali boleh bertani di-tanah itu dengan memuaskan; jika tidak, apa-kah langkah<sup>2</sup> dia berchadang hendak ambil bagi menjaga supaya wang yang banyak di-belanjakan atas ranchangan<sup>2</sup> tanah jangan di-biarkan membadzir.

**124. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian adakah dia bersetuju dengan kenyataan Pegawai Daerah Kulim, sa-bagaimana yang di-beritakan dalam *Straits Times* pada 2hb Januari, 1968, bahawa 50% daripada keluarga<sup>2</sup> yang di-berikan tanah untuk bertani gagal menjalankan usaha mereka dan jika bersetuju, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang sedang di-ambil-nya untuk menghapuskan tiada-nya kesungguhan ini dan menghindar wang orang ramai daripada terbuang.

**125. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian adakah dia sedar bahawa pokok<sup>2</sup> getah muda di-Ranchangan Pembangunan Tanah di-Mambang, Seberang Mukim Penyor, Pekan, selalu di-musnahkan oleh gajah; jika sedar, kenapa tidak ada tindakan di-ambil bagi mencheegah perkara ini.

**126. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian adakah Kerajaan akan menimbang sa-mula keputusan-nya yang bertentangan ia-itu hendak menerima penyata dari gulongan kecil berkenaan dengan pemecahan estet<sup>2</sup> dengan sebab makin bertambah rendah-nya hasil pengeluaran dan mutu getah estet<sup>2</sup> yang di-pechah<sup>2</sup>kan itu dan kerana pemecahan yang deras di-lakukan, dan kesusahan yang ta' putus<sup>2</sup> di-tanggung oleh pekerja<sup>2</sup> ladang ini.

- 127. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan masakan kebenaran meranchang telah di-beri bagi memajukan Kampong Tengku dan Kampong Rais, yang bersempadan dengan Petaling Jaya, sedangkan tidak ada pehak berkuasa tempatan untok mengambil alih penyenggaraan kemudahan<sup>2</sup> saperti api, parit atau pembedongan.
- 128. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan kenapa Malaya Borneo Building Society perlu menaikkan kadar<sup>2</sup> faedah memandangkan keuntongan sa-besar lebeh kurang \$8 juta yang di-dapati tahun lepas.
- 129. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan berapa bilangan rumah murah yang di-bena oleh Malaya Borneo Building Society dan badan<sup>2</sup> Kerajaan lain bagi tiap<sup>2</sup> tahun semenjak Merdeka dan berapa bilangan yang di-chadangkan hendak di-bena bagi tiap<sup>2</sup> tahun baki Ranchangan Lima Tahun Malaysia yang Pertama.
- 130. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan apa-kah sebab<sup>2</sup> Act Pengusaha Rumah tidak di-kuatkuasakan untok melindungi orang<sup>2</sup> yang bertambah ramai hendak memileki rumah yang mendapati perjanjian mereka dengan pengusaha<sup>2</sup> di-lambat dan di-tanggohkan terlalu lama.
- 131. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan sama ada Lembaga Penyiasat mengenai Rangka Plan Besar bagi Kuala Lumpur sudah menyiapkan laporan-nya dan jika sudah, bila-kah ia akan di-umumkan.
- 132. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kewangan jika suatu undang<sup>2</sup> akan di-adakan bagi mengawal sharikat<sup>2</sup> kewangan yang tumbuh saperti chendawan, dan jika ya, bila.
- 133. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kewangan memandangkan berat-nya kesulitan wang yang di-hadapi oleh negara ini, apa-kah langkah<sup>2</sup> dia telah ambil atau berchadang hendak ambil untok mengurangkan belanja yang tidak perlu mithal-nya \$1.3 juta untok sa-buah dewan santapan di-Istana Negara.
- 134. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kewangan berapa harga getah pukul rata bagi empat bulan pertama tahun 1968 dan berapa jatuh-nya :
- (a) pendapatan dari eksept;
  - (b) dari itu, berapa hasil dari chukai eksept.
- 135. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kewangan, sa-bagaimana pada 31hb Mei, 1968, berapa banyak wang pinjaman asing yang telah diterima oleh Kerajaan dan ada-kah benar bahawa memandangkan ketat-nya kedudukan kewangan antarabangsa maka tidak mungkin kita boleh menepati sasaran sa-banyak \$200 juta wang pinjaman asing tahun ini.
- 136. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah dia sedar bahawa pengeluaran batek sa-chara besar<sup>2</sup>an oleh MARA mungkin akan membunuh perusahaan di-Kelantan dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> dia telah ambil atau berchadang hendak ambil untok menjaga supaya kesenian purba ini tidak musnah dan mata pencharian mereka yang bekerja dalam perusahaan itu tidak terancham.
- 137. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri apa-kah hasil lawatan-nya ka-Russia dan negeri<sup>2</sup> lain.

**138. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) ada-kah benar MARA telah membeli sa-buah rumah berharga kira² \$250,000 di-Trengganu;
- (b) jika benar, ada-kah MARA telah mendapatkan sa-orang penilai bebas untuk menilai rumah itu sa-belum bersetuju membeli-nya dan jika ya, siapa-kah penilai itu dan berapa-kah penilaian-nya.

**139. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) apa-kah sebab² kejadian tidak sedar diri Che' Sukra binti Dato' Kampo Radjo dua hari sa-lepas dia memasoki Maktab MARA;
- (b) bagaimana-kah keadaan-nya sekarang, dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk menghindar kejadian² seperti itu daripada berlaku lagi.

**140. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) berapa permohonan untuk mendapatkan pinjaman telah di-luluskan oleh MARA semenjak ia tertuboh;
- (b) berapa jumlah wang yang terpinjam;
- (c) berapa banyak pinjaman itu hilang atau di-hapuskan.

**141. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kementerian-nya pernah menganggap Jabatan Talikom sa-bagai sa-buah badan Kerajaan yang boleh membuat untong dan jika ya, ada-kah Jabatan itu mendapat untong atau tidak.

**142. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom pada masa bila-kah, jika ada, semenjak Merdeka, tidak ada nama orang dalam senarai menunggu untuk mendapatkan talipon, dan berapa jumlah nama orang dalam senarai menunggu talipon pada hari ini untuk Kuala Lumpur.

**143. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan berapa orang yang mengengkari perentah² mahkamah bagi nafkah isteri dan anak² dan berapa orang seperti itu telah di-kenakan syarat² Act baharu itu.

**144. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan apa-kah ranchangan²-nya untuk membena sa-buah Dewan Ke'adilan di-Kuala Lumpur

**145. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Ke'adilan ada-kah Kerajaan akan mengadakan undang² menubuhkan sa-buah Biro Bantuan Guaman untuk orang² miskin sa-belum akhir tahun dan jika tidak, kenapa.

**146. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa-kah tambah luas kawasan padi dan juga hasil-nya daripada tahun 1959 hingga 1968, dengan memberi angka² yang berasingan bagi tiap² tahun.

**147. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk mengelakkan perselisihan dan tumpah darah di-antara nelayan² pukut tunda dengan nelayan² pantai dan ada-kah dia telah menchiptakan apa² chara yang sesuai untuk menahan nelayan² pukut tunda daripada menangkapkan ikan di-ayer yang di-perbalahkan hampir dengan pantai.

**148. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah dia sedar bahawa rancangan menanam padi di-Penakong Paya Mambang, Mukim Penyor, Pekan, Pahang, gagal kerana tali ayer untuk sawah<sup>2</sup> tidak begitu baik dan ada-kah apa<sup>2</sup> tindakan yang telah di-ambil untuk mengatasi perkara ini.

**149. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa ekar kawasan padi di-tanam dengan "padi ajaib" IR-8 atau RIA dan ada-kah "padi ajaib" ini berkembang menurut jangka dengan keadaan<sup>2</sup> di-Malaysia.

**150. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah Lembaga Letrik Negara sudah memulakan rundingan dengan Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Lembaga Letrik Negara sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Perdana Menteri dan jika sudah, sa-jauh mana-kah yang telah di-chapai.

**151. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah hasil rombongan perdagangan getah Malaysia yang pertama ka-Argentina, Brazil dan Mexico, dengan memberi butir<sup>2</sup> mengenai penjualan getah ka-negeri<sup>2</sup> Amerika Latin ini sa-lepas kunjongan rombongan getah itu.

**152. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kerajaan akan bersungguh<sup>2</sup> menimbang menubuhkan sa-buah pusat penyelidikan di-Malaysia untuk menchari lebeh banyak lagi guna getah asli.

**153. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberikan satu laporan tentang keputusan usaha<sup>2</sup> Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan sokongan antarabangsa kepada rancangan menstabilkan harga getah.

**154. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah sa-barang usaha yang telah di-buat oleh negeri<sup>2</sup> pengeluar getah asli hendak berunding dengan kerajaan<sup>2</sup> negeri perusahaan untuk meminta mereka mengawal pengeluaran getah tiruan, supaya tidak mengancam ekonomi negeri<sup>2</sup> pengeluar barang<sup>2</sup> utama dari negeri<sup>2</sup> yang kurang maju.

**155. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada Kerajaan Malaysia maseh mempunyai simpanan getah, dan jika ada, sebutkan butir<sup>2</sup> mengenai berapa banyak dan berapa nilai-nya.

**156. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada Jema'ah Menteri telah menimbang menubuhkan satu kursus sains dan teknologi getah di-Universiti Malaya untuk melateh lebeh ramai lagi ra'ayat Malaysia menjadi pakar tentang kegunaan<sup>2</sup>, pemakaian dan sifat<sup>2</sup> barang yang mendatangkan wang ringgit yang paling banyak kepada Malaysia.

**157. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberi satu senarai mengandongi semua jenis buatan motokar yang di-pasang sa-tempat, dengan menyebutkan daya pengeluaran, bilangan pekerja yang bekerja dan tempat kilang pemasangan bagi tiap<sup>2</sup> jenis buatan.

**158. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kementerian-nya telah mengadakan suatu penaksiran yang bebas mengenai masa depan Kawasan Perusahaan Senawang, dan jika sudah, apa-kah keputusan<sup>2</sup>-nya, dan jika belum, ada-kah dia akan menimbang melakukan penyiasatan sa-umpama itu dengan serta-merta supaya wang tidak terbuang ka-atas sa-buah projek perusahaan yang di-megah<sup>2</sup>kan tetapi tidak dapat di-usahkan.

**159. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Buroh berapa ramai penoreh<sup>2</sup> getah yang terbuang kerja tahun lalu dan tahun ini berikutan dengan jatoh-nya harga getah dengan memberikan angka-nya bagi tiap<sup>2</sup> bulan.

**160. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Buroh memberikan jumlah bilangan penoreh<sup>2</sup> getah estet dan pekerja<sup>2</sup> estet yang di-beri notis berhenti kerja berikutan dengan Keputusan Mahkamah Timbangantara Perusahaan, dengan memberikan angka pemberitahu pemberhentian kerja satu persatu-nya mengikut estet.

**161. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah Kementerian-nya akan mengemukakan pindaan terhadap Act Perhubungan Perusahaan untuk memberi perlindungan yang berkesan kepada pekerja<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> kesatuan daripada menjadi mangsa, kena ugut dan di-buang kerja kerana kegiatan<sup>2</sup> kesatuan.

**162. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) sudah-kah Kementerian Buroh menjalankan sa-barang penyiasatan terhadap sebab<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> Kilang<sup>2</sup> Sincere Match melancharkan mogok tiga-bulan, dan jika sudah,
- (b) apa-kah keputusan Jawatan-kuasa Penyiasat,
- (c) tidak-kah ada syarat dalam Act Perhubungan Perusahaan yang membolehkan pertikaian di-kilang manchis ini di-serahkan kepada mahkamah timbangantara jika sa-kira-nya penyelesaian tidak ter-chapai, dan
- (d) jika tidak ada syarat seperti itu, boleh-kah dia menimbangkan meminda Act Perhubungan Perusahaan, demi kepentingan aman dalam perusahaan dan ke'adilan, dengan tujuan hendak menjamin supaya perkara<sup>2</sup> yang tidak dapat di-selesaikan itu di-serahkan kepada mahkamah timbangantara untuk mendapat penyelesaian daripada membiarkan-nya berlarutan tanpa kesudahan atau penyelesaian seperti yang berlaku kepada mogok kilang manchis ini.

**163. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Buroh:

- (a) memberikan laporan lengkap mengenai sebab<sup>2</sup> berlaku-nya mogok pekerja<sup>2</sup> Estet Labis Johor di-Cha'ah sa-ramai 1,700 orang itu; dan
- (b) menyatakan apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian Buroh untuk mendapatkan penyelesaian dalam perkara mogok ini.

**164. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah dia akan mengemukakan undang<sup>2</sup> untuk menjamin supaya rumah pekerja<sup>2</sup> yang di-sediakan oleh kerajaan dan perbadanan<sup>2</sup> sa-paroh kerajaan, seperti rumah<sup>2</sup> Pentadbiran Keretapi itu, mengikut sa-tengah<sup>2</sup> taraf yang sa-rendah<sup>2</sup>-nya bagi rumah<sup>2</sup> tersebut, agar pekerja<sup>2</sup> di-beri rumah yang menasabah dan berseih.

**165. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Buroh melaporkan tentang kemajuan yang telah terchapai dalam usaha Kementerian-nya hendak mengurangkan bilangan kesatuan<sup>2</sup> yang kechil<sup>2</sup> di-negeri ini.

**166. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Buroh memberikan keterangan<sup>2</sup> yang berikut sejak dari 1hb Januari, 1968: (i) kesatuan<sup>2</sup> yang di-daftarkan tahun ini, dengan menyatakan 'alamat dan berapa ramai ahli; (ii) kesatuan<sup>2</sup> yang di-batalkan pendaftaran-nya, dengan menerangkan sebab<sup>2</sup>-nya; (iii) kesatuan<sup>2</sup> yang di-beri notis membatalkan pendaftaran-nya.

**167. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan boleh-kah beliau berhubung dengan semua Kerajaan<sup>2</sup> Negeri

dan memberitahu mereka supaya merentikan langkah mengasingkan orang dalam taman<sup>2</sup> perumahan mengikut bangsa kerana ini akan memecahkan ra'ayat mengikut bangsa<sup>2</sup> daripada menanamkan perasaan ka-Malaysianan.

**168. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri, berhubung dengan kenyataan Pengarah Pertanian, Enche' Mohamed bin Jamil di-Siminar Kebangsaan sa-lama empat hari mengenai "Utusan Pertanian"—"Tujuan<sup>2</sup> dan Tugas<sup>2</sup>-nya" dalam bulan April, yang mengatakan bahawa Rancangan Malaysia Yang Pertama mungkin tidak tercapai chita<sup>2</sup>-nya dengan kerana chara melaksanakan projek itu lemah, maka dapat-kah beliau menerangkan:

- (i) sudah-kah di-jalankan sa-barang penaksiran terhadap pelaksanaan perojek<sup>2</sup> di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama;
- (ii) jika sudah, apa-kah kelemahan<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup>-nya yang telah di-kesan oleh Kerajaan dan sudah-kah di-ambil sa-barang tindakan membetul-nya;
- (iii) jika tidak, bila-kah akan di-usahakan sa-suatu pengkajian yang ber-sungoh<sup>2</sup> untuk menjamin supaya Rancangan Malaysia Yang Pertama bukan hanya rancangan di-atas kertas sahaja.

**169. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, berkaitan dengan apa yang telah di-dedahkan oleh Pengerusi MARA, Senator Ghafar bin Baba, bahawa dengan kerana menghormati sa-tengah<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Parlimen, MARA meminjamkan wang sa-banyak \$600,000 yang terpaksa di-anggap sa-bagai hutang lapok, dan pinjaman sa-banyak yang tersebut itu mungkin tidak di-keluarkan langsung mengikut merit-nya masing<sup>2</sup>, maka boleh-kah beliau mengadakan penyiasaan terhadap semua Ahli<sup>2</sup> Parli-men yang terlibat seperti itu supaya orang ramai puas-hati yang Ahli<sup>2</sup> Parlimen itu sendiri tidak menerima faedah dengan menggunakan jasa baik mereka untuk mendapat pinjaman dari MARA, yang akhir-nya terpaksa di-hapuskan sahaja.

**170. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri, berkaitan dengan kenyataan-nya ta' lama sa-belum dia meneruskan lawatan-nya ka-Indonesia dalam bulan Mach tentang kemungkinan membenarkan petani<sup>2</sup> Indonesia meneroka di-Sarawak sa-bagai membantu menambahkan hasil tani, dapat-kah dia menerangkan:

- (i) sudah-kah Kerajaan menganggarkan berapa ramai petani<sup>2</sup> yang di-perlukan untuk membuka tanah sa-luas 100,000 ekar di-Sarawak untuk tanaman padi;
- (ii) sudah-kah Jemaah Menteri mengambil keputusan bahawa semua petani<sup>2</sup> seperti itu tidak ada dalam Malaysia; dan
- (iii) sudah-kah Kerajaan Malaysia membuka sa-buah pejabat pengam-bilan pekerja di-Indonesia untuk petani<sup>2</sup> mendaftarkan nama mereka jika hendak bekerja di-Sarawak; dan
- (iv) ada-kah kenyataan itu di-buat sa-telah mengkaji sa-dalam<sup>2</sup>-nya tentang keperluan<sup>2</sup> tenaga manusia dan gunatenaga Malaysia di-kawasan<sup>2</sup> bandar dan luar bandar.

**171. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan sudah-kah siap Laporan Penyiasaan Athi Nahappan terhadap Kerajaan Tempatan yang sa-patut-nya sudah lama siap itu, dan jika sudah, bila-kah akan di-terbitkan, dan jika belum siap, ada-kah ia akan di-keluarkan hanya sa-lepas pilihanraya umum akan datang.

**172. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah shor<sup>2</sup> yang tegas dari Jemaah Menteri mengenai pelaksanaan gaji sama bagi kerja yang sama untuk pekerja<sup>2</sup> perempuan dalam perkhidmatan Kerajaan.

**173. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri boleh-kah dia menubuhkan sa-buah surohanjaya pilihan-roya semua-parti untuk menyusun sa-buah tata-chara penyenggaraan jentera-pilihan-roya dan untuk menchegeh pegawai.<sup>2</sup> Kerajaan dan juga hasil<sup>2</sup> negeri serta kewangan Kerajaan daripada di- alah-gunakan oleh parti yang berkuasa.

**174. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri berapa orang kakitangan kerajaan yang telah meletakkan jawatan berikutan dengan penyiasatan<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh badan penchegeh-rasuah, dan berapa ramai daripada mereka itu di-tudoh menerima dan memberi rasuah.

**175. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri, sa-bagai chontoh menchegeh rasuah dan amalan<sup>2</sup> yang tidak baik, boleh-kah beliau mengarahkan semua Menteri<sup>2</sup>, Menteri<sup>2</sup> Muda, Setia-usaha<sup>2</sup> Parlimen dan Setia-usaha<sup>2</sup> Politik, Menteri<sup>2</sup> Besar dan Ahli<sup>2</sup> Parlimen, supaya mengishtiharkan sa-chara terbuka harta mereka.

**176. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri, dari penyiasatan<sup>2</sup> dan kegiatan<sup>2</sup> badan penchegeh rasuah itu ada-kah ternyata kebenaran kenyataan yang di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, baharu<sup>2</sup> ini yang mengatakan bahawa kejujoran pegawai<sup>2</sup> kanan Kerajaan jangan di-sangsi lagi, hanya di-kalangan pegawai<sup>2</sup> rendah sahaja ada yang melakukan kesalahan rasuah.

**177. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah dia sedar menchamporkan ugama dengan politik sangat merbahaya, dan ada-kah menjadi dasar Kerajaan Perikatan memberi bantuan mendirikan rumah<sup>2</sup> berhala dengan syarat bangunan itu di-gunakan bersama oleh chawangan<sup>2</sup> M.C.A.

**178. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah dia sedar bahawa di-Batu Pahat, chawangan M.C.A. Pantai berkongsi menggunakan kawasan bangunan rumah berhala baharu TIEN HOU KONG yang mendapat bantuan Kerajaan sa-banyak \$5,000 sa-bagai sa-bahagian daripada belanja mendirikan-nya; dan ada-kah dia akan mengambil tindakan segera menyuroh chawangan M.C.A. keluar daripada kawasan itu supaya rumah berhala itu tidak menjadi sa-buah chawangan M.C.A. kelak.

**179. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa orang guru<sup>2</sup> yang telah meminta kebenaran hendak mengambil bahagian chergas dalam politik, dan apa-kah keputusan permintaan<sup>2</sup> itu.

**180. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Pelajaran memberi senarai guru<sup>2</sup> yang telah di-beri kebenaran mengambil bahagian chergas dalam politik.

**181. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-sabua permohonan dari sa-sorang guru meminta kebenaran mengambil bahagian chergas dalam politik itu berapa lama-kah memakan masa sa-belum mendapat jawapan.

**182. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan hendak menubuhkan sekolah<sup>2</sup> pertanian, dan jika ya, beri-lah keterangan lengkap di-mana dan bila sekolah<sup>2</sup> itu akan di-bena.

**183. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran sudah-kah kerajaan menuboh sa-buah pejabat penasihat penuntut<sup>2</sup> untuk membantu penuntut<sup>2</sup> yang hendak melanjutkan pelajaran mereka ka-saberang laut mendapat nasihat; berikan keterangan lengkap mengenai-nya.

**184. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran sudah-kah berjalan usaha hendak menyimpan satu rekod tentang jurusan pengajian dan lain<sup>2</sup> yang di-ambil oleh sa-ramai 10,000 orang penuntut<sup>2</sup> Malaysia yang belajar di-seberang laut.

**185. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula keputusan-nya tidak akan membantu penuntut<sup>2</sup> Malaysia dalam fakulti kedoktoran, ilmu membuat ubat dan pergigian di-Universiti Singapura, dengan alasan bahawa langkah ini akan merosakkan kepentingan Malaysia lebeh daripada kepentingan Singapura.

**186. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran boleh-kah beliau memberi keterangan lengkap mengenai maktab<sup>2</sup> chabang yang kerajaan ishtiharkan akan menuboh-nya sa-bagai ikhtiar menempatkan penuntut<sup>2</sup> lepasan sekolah China, dan berapa orang penuntut akan di-terima masuk ka-maktab<sup>2</sup> tersebut serta bila-kah maktab<sup>2</sup> ini mula menerima penuntut<sup>2</sup>.

**187. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran (i) berapa jumlah bilangan anak<sup>2</sup> Malaysia yang berjaya mendapat Sijil Tinggi Pelajaran penoh dalam (a) jurusan sains; dan (b) jurusan arts; dan (ii) berapa jumlah bilangan penuntut yang masuk ka-Universiti Malaya tahun ini dalam (a) jurusan sains; dan (b) jurusan arts.

**188. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar beratus<sup>2</sup> orang penuntut yang mendapat aggregate rendah daripada 12 dalam tiga mata pelajaran yang terbaik dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge, tidak mendapat tempat dalam kelas<sup>2</sup> tingkatan enam; apa-kah tindakan yang telah di-ambil untok memberi penuntut<sup>2</sup> yang patut di-terima ini, pelajaran tingkatan enam supaya mereka tidak di-napikan peluang melanjutkan pelajaran mereka kerana peranchangan Kerajaan tidak baik.

**189. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran boleh-kah dia membentok sa-buah jawatan-kuasa penyiasat bebas untok menyiasat masalah guru<sup>2</sup> di-beri beban-kerja yang bertambah banyak supaya dapat menentukan sama ada guru<sup>2</sup> sa-benar-nya tidak dapat menghasilkan kerja<sup>2</sup> yang baik kerana beban-kerja bertambah berat.

**190. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah bilangan siswazah anak<sup>2</sup> Malaysia yang belajar dengan mendapat biasiswa Rancangan Colombo, tiap<sup>2</sup> tahun sejak Merdeka dengan memberikan angka yang berasingan bagi jurusan pengajian-nya.

**191. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Pelajaran memberikan senarai pusat<sup>2</sup> Sijil Tinggi Persekolahan di-Malaysia dengan menerangkan butir<sup>2</sup> ma'lumat bagi tiap<sup>2</sup> satu: (i) berapa banyak kelas, sama ada kelas sains atau arts; (ii) berapa ramai penuntut.

**192. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh-kah beliau membenarkan supaya sa-suatu rapat atau perjumpaan orang ramai tidak payah mendapat kebenaran polis, kerana dalam masa tenteram, kebenaran saperti itu merupakan sekatan terhadap kebebasan berchakap.

**193. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Shariat Kerjasama bila dan di-mana-kah Kerajaan akan menubuhkan sa-buah pusat penyelidikan hasil tani sa-lain daripada getah dan nenas.

**194. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Shariat Kerjasama ada-kah dia sedar seruan yang di-buat oleh the Planter, lidah rasmi the Incorporated Society of Planters, menggesa Kerajaan supaya menempatkan sa-belah atas sekali dalam senarai utama-nya, peruntokan

mengadakan bahan tanaman cocoa yang bermutu tinggi untuk di-bahagikan kepada pekebun<sup>2</sup> kecil dan estet<sup>2</sup> sa-bagai sa-bahagian daripada usaha mem-  
pelbagaikan pertanian negeri ini, dan juga menyatakan apa-kah tindakan  
yang Kerajaan telah ambil dalam perkara ini.

**195. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Shari-  
kat Kerjasama apa-kah langkah<sup>2</sup> dan kemajuan yang telah tercapai untuk  
memajukan tebu sa-bagai hasil tani yang utama dalam Malaysia.

**196. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Penerangan dan  
penyiaran berapa naskhah *Daily Press Digest* di-beri kepada:

- (i) Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan;
- (ii) kumpulan diplomat;
- (iii) Ahli<sup>2</sup> Parlimen;
- (iv) bahagian perdagangan dan orang<sup>2</sup> persendirian; dan
- (v) berapa belanja tiap<sup>2</sup> bulan mengeluarkan the *Daily Press Digest*.

**197. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Kewangan memberikan  
sa-buah laporan mengenai champor-tangan Kerajaan dalam pasaran getah  
sejak bulan September hingga bulan Disember tahun lalu untuk mempertahankan  
harga getah, dengan memberi keterangan<sup>2</sup> lengkap.

**198. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah  
Kerajaan akan memberi pertimbangan yang baik mengecualikan derma  
kapada Merdeka Universiti daripada di-kenakan cukai pendapatan, demi  
kepentingan pelajaran.

**199. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Perdana Menteri memberikan  
jumlah bilangan siswazah Ranchangan Colombo yang telah menarek diri  
sa-belum habis tempoh perjanjian mereka dengan membayar wang sa-bagai  
ganti, serta menyatakan sebab<sup>2</sup> yang di-beri satu persatu, pada tiap<sup>2</sup> tahun  
sejak tahun 1957.

**200. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan  
dan Perumahan ada-kah dia akan menimbang mengambil langkah menyama-  
kan kadar bunga yang rendah bagi kedai<sup>2</sup> pajak gadai di-semua negeri dalam  
Malaysia, untuk mengatasi kesusahan dan merengankan kesulitan orang<sup>2</sup>  
dalam kumpulan bergaji rendah terutama sekali dalam tempoh kerisis  
ekonomik sekarang ini yang di-sebabkan oleh harga getah yang begitu murah,  
harga barang keperluan yang kian meningkat, penganggoran, sakit dan sa-  
bagai-nya.

**201. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah  
dia sedar aduan<sup>2</sup> yang mengatakan kakitangan Rumah Sakit Umum Seremban  
tidak berbahasa dan tidak punya belas kasehan makin bertambah banyak,  
dan ada-kah beliau akan mengambil tindakan segera supaya budi-bahasa  
dan adab, menjadi kata semboyan bagi semua kakitangan Kerajaan dalam  
Rumah Sakit itu.

**202. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah  
apa<sup>2</sup> tindakan mahkamah yang di-jalankan ka-atas jabatan perubatan  
Negeri Sembilan dalam tempoh lima tahun yang lampau, dan jika ada,  
berikan butir<sup>2</sup> keterangan tiap<sup>2</sup> tindakan undang<sup>2</sup> itu dengan memberi nama  
rumah sakit, jenis tindakan dan keputusan mahkamah.

**203. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kesihatan bila-kah  
Rumah Sakit Umum Seremban dapat di-siapkan.

**204. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan apa telah terjadi kepada Pelan Besar yang di-chadangkan bagi Kuala Lumpur sa-telah di-keritik dengan hebat-nya oleh orang ramai dan juga oleh Malaysian Institute of Architects.

**205. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah sa-barang jentera yang telah di-tubuhkan untuk menerima dan mendengar rayuan orang ramai terhadap Pelan Besar itu.

**206. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan bila-kah sa-buah undang<sup>2</sup> peranchangan akan di-bentangkan untuk memodenkan seluruh rangka peranchangan bandar di-Malaysia yang di-asaskan sekarang ini atas Undang<sup>2</sup> Lembaga Bandaran tahun 1934 yang tidak berguna lagi itu.

**207. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan bila-kah Pelan Besar yang bersemak dan yang di-muatkan dengan keritik besar<sup>2</sup> yang di-majukan itu akan siap, dan ada-kah Pelan ini akan di-pamerkan lagi kepada orang ramai lengkap dengan sa-buah penyata.

**208. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan memberikan (i) belanja satu persatu-nya bagi seluruh ranchangan di-Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur dan ranchangan Rifle Range di-Pulau Pinang, dan (ii) berapa lama-kah masa yang di-habiskan bagi tiap<sup>2</sup> satu ranchangan dari sejak mula<sup>2</sup> menaja-nya ia-itu membeli tanah.

**209. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan berapa bilangan pekerja<sup>2</sup> yang bekerja sekarang ini di-bawah ranchangan perumahan perusahaan.

**210. Tuan C. V. Devan Nair** minta kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan memberikan angka pechahan bagi rumah<sup>2</sup> murah dan rumah<sup>2</sup> pangsa yang telah siap di-seluruh Malaysia, mengikut bandar dan mengikut tahun sejak tahun 1964.

**211. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan apa-kah usaha yang telah di-ranchang dan di-laksanakan untuk menghindar bah di-kawasan Jalan Bungsar, satu kawasan yang mengalami bah tiap<sup>2</sup> kali hujan.

**212. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sudah-kah Jemaah Menteri menimbangkan kemungkinan menubuhkan sa-buah pusat penyelidekan kelapa sawit di-Malaysia.

**213. Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah betul chara-nya bagi MARA meluluskan pinjaman bukan berdasarkan kepada merit satu<sup>2</sup> permohonan itu tetapi hanya kerana memberi "muka" kepada sa-tengah<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Parlimen yang telah membuat baik kepada si-pemohon dan dengan demikian telah melibatkan wang lebeh daripada \$600,000 terpaksa di-anggap sa-bagai hutang lapok, dan terangkan :

- (i) apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk mendapat balek \$600,000 kesemua-nya atau sa-bahagian daripada-nya, daripada peminjam dan Ahli<sup>2</sup> Parlimen yang menggalakkan MARA supaya memberikan pinjaman itu;
- (ii) ada-kah dia akan mengarahkan Pengerusi MARA supaya berhenti memberi pinjaman berasaskan sokongan Ahli<sup>2</sup> Parlimen tetapi sa-balek-nya hendak-lah berasaskan merit tiap<sup>2</sup> satu permohonan itu.

**214. Tuan Amadeus Mathew Leong** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar ada Bumiputera<sup>2</sup> di-Sabah yang benar<sup>2</sup> ingin berkechimpong dalam perniagaan tetapi telah mendapati sukar hendak mendapat pinjaman dengan sebab bank<sup>2</sup> tempatan tidak menerima Geran<sup>2</sup> Tanah Bumiputera (Native Land Titles) sa-bagai chagaran atas pinjaman<sup>2</sup>, dan oleh kerana penubuhan sa-buah Bank Bumiputera mungkin mengambil masa yang agak lama lagi dan di-churigakan sama ada bank itu nanti akan membenarkan pinjaman<sup>2</sup>, ada-kah beliau akan mengotok supaya MARA menjalankan langkah<sup>2</sup> segera untuk membolehkan Bumiputera<sup>2</sup> mendapat pinjaman<sup>2</sup> dengan tujuan sa-benar-nya untuk berniaga.

**215. Tuan Amadeus Mathew Leong** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah beliau sedar akan 'aib-nya sistem talipon di-antara Papar dan Kota Kinabalu hingga kadang<sup>2</sup> mengambil masa sa-panjang hari baru dapat satu panggilan jauh, apa tah lagi hubungan itu selalu benar terputus hingga sa-saorang itu terpaksa pergi sa-jauh ka-Kota Kinabalu dari Papar (jalan yang berbenggal-benggil sa-jauh 34 batu) untuk menyelesaikan suatu urusan mustahak; berpandu kepada hal<sup>2</sup> ini bila-kah Kementerian akan menimbang memperbaiki perkhidmatan dalam bahagian tersebut.

**216. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberikan senarai lengkap mengenai Kakitangan Bertanggung-jawab (Executive Staff) dalam F.I.D.A. dengan menunjukkan kelayakan<sup>2</sup>, umur, pengalaman, taraf kewarganegaraan dan gaji<sup>2</sup> mereka.

**217. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberikan senarai lengkap mengenai bukan Kakitangan Bertanggung-jawab (non-Executive Staff) dalam F.I.D.A., mengikut bangsa.

**218. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberikan senarai lengkap mengenai Kakitangan Bertanggung-jawab dalam M.I.D.F.I. dan M.I.E.L. dengan menunjukkan kelayakan<sup>2</sup>, umur, pengalaman, taraf kewarganegaraan dan gaji<sup>2</sup> mereka.

**219. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Kewangan memberikan nama Negeri<sup>2</sup> yang sedang mengalami kekurangan wang bagi belanjawan tahunan tahun ini, dengan menunjukkan jumlah wang yang Negeri itu kekurangan, serta sumbangan yang akan di-terima dari Kerajaan Pusat, atau pun yang telah di-peruntukkan oleh Perbendaharaan untuk memulehkan kekurangan<sup>2</sup> wang itu.

**220. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Perdana Menteri:

(a) ada-kah beliau sedar bahawa menurut peratoran biasa untuk naik pangkat dalam jawatan Kerajaan, apabila jawatan Timbalan Setia-usaha kepada Kementerian Kewangan kosong, pengganti-nya ia-lah Pengawal Perbekalan, sebab pegawai ini (Pengawal Perbekalan) melakukan tugas, melahan bertanggung-jawab merangkakan belanjawan negara, dan oleh itu beliau ada-lah di-anggap sa-bagai sa-orang yang paling berkebolehan untuk mengisi jawatan sa-bagai Timbalan; tetapi dalam kejadian yang baharu berlaku, prinsip yang di-patohi sa-lama ini telah di-chabul dan sa-orang yang sangat rendah kedudukan-nya yang tidak pernah belajar Ekonomi sa-umur hidup-nya, ia-itu Setia-usaha Rendah kepada Kementerian itu telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Timbalan pada hal pengganti-nya patut di-ambil dari sa-orang yang chekap dan lojik;

(b) Jika ya, boleh-lah beliau memberitahu Majlis ini—

(i) menurut dasar apa-kah kenaikan pangkat ini di-jalankan—ada-kah berdasarkan kebolehan atau pileh-kaseh;

- (ii) mengapa-kah Setia-usaha Rendah ini di-lantek menjadi Timbalan, dan tidak sa-orang Setia-usaha Rendah yang lain yang pernah menjadi sa-orang penuntut Ekonomi yang utama di-Cambridge, yang kemudian-nya mengikuti pengajian post-graduate dalam Kewangan Awam (Public Finance) di-Oxford—sa-kurang<sup>2</sup>-nya Setia-usaha Rendah ini dari segi akademik ada-lah lebeh tinggi daripada pegawai yang di-tugaskan pada masa ini;
- (c) boleh-kah di-anggap bahawa di-Perbendaharaan, kenaikan pangkat bukan-lah berdasar kepada kebolehan dan kelayakan, tetapi berdasar kepada perhubungan peribadi dan warna kulit.

**221. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa :

- (a) sejak tahun lepas, lebeh kurang 8 atau 9 orang Siswazah<sup>2</sup> Universiti Nanyang, semua-nya berketurunan China telah di-ambil bekerja oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja<sup>2</sup>, sa-bagai Merinyu<sup>2</sup>;
- (b) ada-kah benar bahawa di-suatu masa yang tidak berapa lama lagi, lebeh ramai lagi Siswazah<sup>2</sup> Universiti Nanyang akan di-ambil bekerja;
- (c) boleh-kah beliau terangkan mengapa siswazah<sup>2</sup> ini lebeh di-utamakan dan Siswazah<sup>2</sup> Universiti Malaya tidak di-berikan keutamaan;
- (d) oleh kerana K.S.W.P. (E.P.F.) telah membuat permulaan dalam hal ini, ada-kah beliau akan memberi jaminan kepada Majlis, bahawa siswazah<sup>2</sup> dari Universiti<sup>2</sup> Republik Arab Bersatu, Universiti<sup>2</sup> Indonesia akan di-beri keutamaan yang sa-rupa dengan yang di-berikan kepada Siswazah<sup>2</sup> Nanyang, dan dalam kekosongan<sup>2</sup> yang ada sekarang, ada-kah beliau akan mengarahkan Pengurus K.S.W.P. supaya mengiklankan sa-kali lagi jawatan<sup>2</sup> merinyu itu, supaya siswazah dari Universiti<sup>2</sup> tersebut boleh memohon.

**222. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Pengangkutan memberikan nama pemandu<sup>2</sup> kapal terbang bangsa Melayu yang telah di-hantar berlateh untok menjadi anggota<sup>2</sup> dalam kapal terbang Boeing 707 dan berapa jumlah bilangan mereka<sup>2</sup> yang sedang menjalani latehan sekarang ini.

**223. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Pengangkutan menerangkan nama pemandu<sup>2</sup> kapal terbang Melayu, daripada pangkat Keptan, Pegawai<sup>2</sup> Pertama ka-Pegawai<sup>2</sup> Kedua, mengikut bangsa dan taraf kewarganegaraan dan berapa jumlah bilangan kedet<sup>2</sup> pemandu, kedet<sup>2</sup> pemandu pelateh, mengikut bangsa.

**224. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah chalun<sup>2</sup> bangsa Melayu akan di-pilih untok mengisi jawatan<sup>2</sup> sa-bagai Kerani<sup>2</sup> Tempahan, Kerani<sup>2</sup> Terafik dan Pegawai<sup>2</sup> Penghubungan Penumpang<sup>2</sup>, yang kosong di-pejabat Kuala Lumpur sa-bagaimana yang di-iklankan dalam akhbar *Straits Times* baharu<sup>2</sup> ini, atau ada-kah monopoli yang di-pegang sekarang oleh satu bangsa sahaja akan di-pelihara.

**225. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan :

- (a) ada-kah benar bahawa sa-orang pegawai Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura di-pejabat Kuala Lumpur, yang bernama Raymond Khaw telah bertanggung-jawab atas pemilihan sa-orang tukang jahit bernama Messrs Chan Thian Fook, 52 Jalan Yew, Pudu

untuk memberi khidmat<sup>2</sup> jahit-menjahit pakaian<sup>2</sup> sa-ragam untuk semua kakitangan<sup>2</sup> Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura di-Kuala Lumpur, dengan tiada mengeluarkan tender tawaran itu kepada tukang<sup>2</sup> jahit lain yang tertarek hati, terutama sa-kali tukang<sup>2</sup> jahit bumiputera;

- (b) sa-kira-nya ini tidak benar, bila-kah tender untuk yang tersebut telah di-panggil oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura dan nyatakan dengan penoh pemberitahu mempelawa tender<sup>2</sup> serta senarai tender<sup>2</sup>;
- (c) sa-kira-nya tidak ada tender, terangkan sama ada pegawai yang di-persoalkan itu boleh jadi dengan pengetahuan dari pegawai atas-nya, telah terlibat dalam perbuatan<sup>2</sup> rasuah, dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang beliau berchadag mengambil untuk menghapus penyakit yang merbahaya ini, terutama sa-kali dengan memandag kapada hal bahawa Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura ia-lah suatu pertubohan kepunyaan Kerajaan.

**226. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kapada Menteri Pengangkutan menerangkan kemajuan<sup>2</sup> dalam langkah<sup>2</sup> yang beliau telah berjanji di-Dewan ini lewat tahun 1967 akan menjalankan-nya apabila saya majukan soalan, untuk memulehkan keadaan tidak seimbang dari segi bangsa dalam Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura, mithal-nya tambahan bilangan kakitangan<sup>2</sup> Melayu, terutama sa-kali di-peringkat tinggi, yang telah di-ambil bekerja dalam tempoh sa-lepas sahaja beliau memberi janji-nya sampai-lah sekarang.

**227. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan berapa bilangan kapal<sup>2</sup> terbang kepunyaan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura yang di-daftarkan di-Malaysia dan di-Singapura, mengikut buatan dan jenis<sup>2</sup>-nya. Dapat-kah beliau memberitahu Majlis angka tepat bilangan kapal<sup>2</sup> terbang yang baharu, bangsa dan harga<sup>2</sup>-nya, yang di-tempah oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura dan daripada jumlah bilangan kapal<sup>2</sup> terbang yang baharu di-kirim ini berapa buah-kah akan di-daftarkan di-Malaysia.

**228. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa ramai kanak<sup>2</sup> sekolah dari kawasan<sup>2</sup> luar bandar telah terpaksa berhenti sekolah di-sebabkan oleh harga buku<sup>2</sup> teks sekolah yang mahal, dan bahawa untuk mendapatkan lebeh daripada \$40 sa-bulan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar bukan-lah suatu perkara yang mudah; jika sedar dan dengan memandag kapada hal bahawa Kerajaan Perikatan tetap tidak bersengaja hendak menyempetkan peluang<sup>2</sup> untuk bersekolah bagi penduduk<sup>2</sup> luar bandar, ada-kah beliau akan menimbang mengadakan suatu Tabong atau sekim<sup>2</sup> pinjaman Buku<sup>2</sup>-Teks untuk kanak<sup>2</sup> tersebut dengan di-kenakan bayaran yang rendah yang akan dapat mengatasi beban kewangan yang di-pikul oleh hampir<sup>2</sup> 5 juta orang penduduk<sup>2</sup> di-kawasan luar bandar.

**229. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Perdana Menteri bila-kah Kerajaan akan mengambil langkah<sup>2</sup> untuk meng'itiraf kelayakan<sup>2</sup> dari I.C.W.A., United Kingdom, atau Persatuan Akauntan<sup>2</sup> Antarabangsa, United Kingdom dan Persatuan Akauntan<sup>2</sup> Malaya Yang Di-persatukan (Malayan Society of Incorporated Accountants) mengikut Undang<sup>2</sup> Akauntan, tahun 1967.

**230. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan menimbang menggesa Persatuan Akauntan<sup>2</sup> Perbadanan Australia di-Malaya (Malayan Association of Australian Society of Accountants) supaya memohon kapada Majlis 'Am, Perbadanan Akauntan

Australia di-Melbourne supaya menanggohkan Peperiksaan Persatuan itu di-Malaysia sa-hingga tahun 1971, khas-nya Peperiksaan Peringkat I supaya di-tanggohkan kapada akhir tahun 1969 dan tidak pada akhir tahun 1968, sa-laras dengan di-Australia, sa-belum Majlis ini berhenti mengadakan Peperiksaan<sup>2</sup>-nya di-Malaysia menjelang tahun 1970.

**231. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada Badan Penchegeh Rasuah boleh di-beri kuasa (a) untok meneliti harta<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Parlimen, Ahli<sup>2</sup> Majlis Meshuarat Negeri, Pengerusi Perbadanan 'Awam, dan kakitangan<sup>2</sup> 'awam daripada hari sa-saorang itu memegang jawatan 'awam hingga sekarang, dan membandingkan-nya dengan harta<sup>2</sup> mereka sa-belum mereka memegang jawatan 'awam tersebut; (b) untok memeriksa harta saudara<sup>2</sup> mara pegawai<sup>2</sup> yang berkenaan oleh kerana sa-tengah Pegawai<sup>2</sup> Perkhidmatan 'Awam penerima rasuah yang sangat pintar dan yang lain<sup>2</sup>, guna mengelak pengintipan, selalu menamakan harta<sup>2</sup> mereka yang di-dapati sa-chara haram dengan nama isteri<sup>2</sup> mereka, sahabat<sup>2</sup> yang mereka perchayai, peminjam<sup>2</sup>-nama yang di-bayar, dll.

**232. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berikan sebab<sup>2</sup>-nya mengapa orang<sup>2</sup> bukan warganegara dalam negeri ini tidak di-daftar nama mereka dan ada-kah beliau akan mengadakan pendaftaran itu, terutama sa-kali kerana sa-tengah<sup>2</sup> orang yang bukan warganegara sa-chara tidak langsung memainkan peranan yang aktif dalam gerakan<sup>2</sup> politik di-Malaysia.

**233. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa jumlah penanam<sup>2</sup> modal dan perusahaan<sup>2</sup> tempatan serta seberang laut yang telah di-beri taraf perintis dengan mengikut jumlah modal yang di-tanam, jenis<sup>2</sup> perusahaan<sup>2</sup> dan taraf kewarganegaraan penanam<sup>2</sup> modal tersebut.

**234. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berhubung dengan kenyataan-nya dalam Majlis ini pada 23hb Februari, 1968, ia-itu 90% daripada peluang<sup>2</sup> kerja dalam kilang<sup>2</sup> perusahaan kita di-berikan kapada bumiputera, dan ia-itu peratusan ini ada-lah lebeh jauh tinggi daripada quota 40% yang di-sharatkan oleh Kerajaan, ada-kah dia akan memberitahu Majlis ini, terutama-nya bagi faedah Ahli<sup>2</sup> Parlimen Melayu yang berjuang untok penyertaan bumiputera yang lebeh luas dalam perdagangan dan perusahaan, berapa jumlah sharikat dan apa-kah nama-nya yang mempunyai lebeh daripada 30% daripada kakitangan-nya, khas-nya mereka yang memegang jawatan<sup>2</sup> lebeh tinggi daripada pegawai<sup>2</sup> kerja junior, yang berbangsa bumiputera.

**235. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa bilangan lesen membeli dan menjual beras, tepong dan gula yang di-beri kapada pemohon<sup>2</sup> sa-bagai peniaga runchit dan peniaga borong untok tempoh di-antara bulan Januari 1966 hingga Mei 1968, menurut butir<sup>2</sup> kaum-nya, dan kawasan-nya dan berapa bilangan permohonan daripada bumiputera yang di-tolak.

**236. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kapada Menteri Pertahanan, berhubung dengan jaminan-nya kapada Dewan ini dalam bulan Ogos yang lepas ia-itu dia akan menimbang dan membaharu<sup>2</sup> sekim<sup>2</sup> gaji anggota<sup>2</sup> tentera kita terutama-nya pegawai<sup>2</sup> yang tidak bertauliah dan askar<sup>2</sup> biasa, ada-kah dia akan memberitahu Majlis ini, dan menggembirakan tentera kita yang mempertahankan kita, dengan menyebut garis<sup>2</sup> kasar tentang langkah<sup>2</sup> yang dia berchadang hendak menimbang dan bila-kah Kerajaan akan melaksanakan chadangan<sup>2</sup> ini.

**237. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah dia sedar bahawa Kementerian ini selalu mengambil masa sa-bagitu lama memberi ganjaran dan penchen kepada perajurit<sup>2</sup> yang telah menghabiskan tempoh khidmat mereka dan jika sedar, ada-kah dia dapat mengarahkan kakitangan<sup>2</sup>-nya dalam bahagian ini supaya bekerja lebeh cekap dan chepat.

**238. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah dia sudah menunaikan janji yang lama ini ia-itu menubuhkan satu Bahagian Khas untok Bekas Perajurit, dan jika sudah, ada-kah dia dapat memberitahu Majlis ini apa-kah jenis perkara yang hendak diselesaikan oleh bahagian ini berkenaan dengan masaalah<sup>2</sup> bekas perajurit, dan siapa-kah kakitangan bahagian-nya.

**239. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah dia sedar bahawa sa-orang doktor gigi pakar khusus yang mempunyai kelayakan F.R.C.D.S. yang memasoki perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1954, telah berkhidmat di-Pantai Timor sa-lama kira<sup>2</sup> 13 tahun, dan bahawa sungguh pun dia telah meminta tukar ka-Pantai Barat, permintaannya telah di-tolak dengan alasan bahawa di-Pantai Timor, kebanyakan penduduk-nya ia-lah orang Melayu, maka elok-lah dia berkhidmat kepada orang Melayu. Jika sedar, ada-kah hal ini adil, dan ada-kah dia akan menimbang perkara ini sa-mula.

**240. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah dia sedar bahawa Pegawai<sup>2</sup> Perubatan Kontrek terutama-nya dari India sa-lepas tempoh perkhidmatan mereka sa-lama tiga kali di-beri kera'ayatan Malaysia, dan bahawa sa-baik sahaja mereka mendapat kera'ayatan, mereka meletak jawatan dan membuka niaga sendiri; jika sedar, bila-kah Kerajaan akan mengambil tindakan merentikan keadaan yang berbangkit sa-umpama ini.

**241. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Kesihatan butir<sup>2</sup> menurut kaum mengenai bilangan pegawai perubatan yang mempunyai dan yang tiada mempunyai kelayakan<sup>2</sup> ilmu khas di-Malaysia.

**242. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Kesihatan berapa bilangan pegawai<sup>2</sup> perubatan (termasok juga doktor gigi, pakar ubat, physiotherapis dan sa-bagai-nya) yang menjalani latehan siswazah lanjut, di-seberang laut dan sa-tempat, dengan memberi butir<sup>2</sup> menurut kaum mengenai bilangan ini.

**243. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta kepada Menteri Kesihatan menerangkan (a) nama dan kelayakan Ketua Ahli Kimia Ubat Malaysia, dan sa-orang timbalan-nya atau timbalan<sup>2</sup>-nya; (b) berapa jumlah pakar ubat yang bekerja dengan Kementerian ini, apa-kah kelayakan dan nyatakan butir<sup>2</sup> menurut kaum.

**244. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Kesihatan berapa penuntut<sup>2</sup> biasiswa ilmu ubat tidak di-benar melanjutkan pengajian mereka ka-peringkat Honours, sa-lepas mereka beroleh Ijazah Lulus dalam Ilmu Ubat dan mendapat tempat dalam kelas Honours.

**245. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah dia akan menimbang menjalankan segera satu penyiasatan terhadap sistem pepereksaan untok pembanchoh<sup>2</sup> ubat Kerajaan dan ada-kah dia akan memberi keputusan pepereksaan pembanchoh<sup>2</sup> ubat Kerajaan untok dua tahun yang lalu yang menunjukkan bilangan lulus dan gagal, menurut keturunan.

**246. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan menegah penubuhan sa-buah universiti baharu seperti yang sedang di-usahakan oleh kaum China di-negeri ini, jika ya, apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya; dan jika tidak, ada-kah Kerajaan akan membenarkan penubuhan universiti<sup>2</sup> lain.

**247. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran sejak Universiti Malaya di-dirikan di-Kuala Lumpur, berapa ramai-kah anak<sup>2</sup> Melayu memasoki-nya; dan antara mereka ini berapa ramai-kah yang mendapat ijazah dengan menyatakan:

- (a) Jenis ijazah yang di-perolehi masing<sup>2</sup>;
- (b) Pangkat ijazah masing<sup>2</sup>.

**248. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran hingga sekarang berapa-kah bilangan mahasiswa<sup>2</sup> di-Universiti Malaya dengan menyatakan berapa-kah bilangan mereka menurut:

- (a) Jurusan;
- (b) Keturunan; dan
- (c) Tempat asal, sama ada dari Malaysia atau dari luar negeri.

**249. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran pada tahun 1968 ini berapa ramai-kah anak<sup>2</sup> Malaysia menuntut di-Universiti Singapura dan antara mereka ini berapa ramai-kah yang mendapat biasiswa Kerajaan.

**250. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan sudah meng'itiraf ijazah<sup>2</sup> dari Universiti<sup>2</sup> Timor Tengah terutama sekali ijazah<sup>2</sup> dari Mesir (R.A.B.), Iraq, Syria dan Arab Sa'udi. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**251. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran hingga masa ini ijazah<sup>2</sup> dari universiti negeri mana-kah yang di-'itiraf oleh Kerajaan.

**252. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa ada sa-tengah<sup>2</sup> pehak di-negeri ini menudoh bahawa Kolej Islam Klang telah di-turunkan taraf-nya kepada taraf sekolah menengah khas ugama mengadakan pelajaran hingga ka-Sijil Persekolahan Persekutuan manakala Kolej Islam Petaling Jaya telah di-turunkan taraf-nya dan mengadakan pelajaran hingga Sijil Persekolahan Persekutuan dan Sijil Persekolahan Tinggi.

**253. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat telah mengambil alih Kolej Islam Klang dan meletakkan-nya di-bawah Fasal 25 (1) (f) (i) Undang<sup>2</sup> Pelajaran, 1961 dengan menghadkan pengajian-nya kepada Sijil F.M.C. sahaja. Jika ya, tidak-kah Kerajaan sedar bahawa langkah seperti itu ada-lah berlawanan dengan kehendak wasiat Tuanku Hishamuddin Shah yang mewaqafkan istana-nya untuk menjadi bangunan bagi sa-buah Kolej Islam yang mengajar sampai ka-tingkat Kulliah Shari'ah atau Faculti Hukum Shara' Islam.

**254. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran pada masa ini (1968) berapa-kah bilangan:

- (a) Guru<sup>2</sup> yang berijazah;
- (b) Guru<sup>2</sup> Ugama;
- (c) Guru<sup>2</sup> Akademik;
- (d) Pelajar<sup>2</sup> lelaki;
- (e) Pelajar<sup>2</sup> perempuan; dan
- (f) Pegawai dan kakitangan pejabat di-Kolej Islam Klang.

**255. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah wang yang di-peruntukkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kolej Islam Klang bagi tahun pelajaran 1968-1969?

**256. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat telah menurunkan gaji guru<sup>2</sup> ugama lepasan Kolej Islam Klang mulai tahun 1968 ini; dan jika ya,

- (i) apa-kah chara<sup>2</sup> dan sebab<sup>2</sup>nya;
- (ii) berapa ramai-kah guru<sup>2</sup> yang terlibat;
- (iii) berapa banyak-kah yang di-potong dari gaji mereka.

**257. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat memerintahkan supaya guru<sup>2</sup> Ugama lepasan Kolej Islam Klang yang di-turunkan gaji itu membayar sa-mula kadar<sup>2</sup> yang telah di-bayar lebeh daripada gaji yang telah di-turunkan itu.

**258. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyak-kah senjata api yang berlesen telah di-rampas oleh Kerajaan dari penduduk<sup>2</sup> negeri Kelantan 'am-nya dan dari penduduk<sup>2</sup> Daerah Bachok, Kelantan khas-nya sejak konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia; berapa banyak-kah yang sudah di-pulangkan kepada tuan-nya sa-telah tamat konfrantasi itu.

**259. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bila-kah Kerajaan akan memulangkan senjata<sup>2</sup> api yang di-rampas dalam masa konfrantasi Indonesia dahulu kepada tuan-nya di-Daerah Bachok.

**260. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sa-hingga sekarang berapa banyak-kah senjata api yang di-benarkan penggunaan-nya kepada penduduk<sup>2</sup> Negeri Kelantan 'am-nya dan penduduk<sup>2</sup> Bachok khas-nya dengan menyatakan bilangan:

- (a) pistol; dan
- (b) senapang.

**261. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tahun 1968 ini berapa ramai-kah orang<sup>2</sup> yang berikut mempunyai kebenaran mengguna pistol dan berapa ramai pula yang mempunyai kebenaran mengguna senapang penabor di-Daerah Bachok, Kelantan:

- (a) Guru Ugama;
- (b) Penyelia Kelas Dewasa;
- (c) Pemandu kereta sewa;
- (d) Wakil Ra'ayat;
- (e) Penggawa;
- (f) Penghulu;
- (g) Pembantu rumah sakit;
- (h) Guru bukan guru ugama;
- (i) Jaksa Pendamai;
- (j) Taukeh perniagaan; dan
- (k) Lain<sup>2</sup> jika ada.

**262. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang tidak mahu menjadikan "Melayu" sa-bagai rupa-bangsa negeri ini kerana takut terluput "Hak<sup>2</sup> istimewa" orang<sup>2</sup> Melayu yang terchatit di-dalam Perlembagaan Malaysia sekarang.

- 263. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri:
- (a) dapat-kah beliau menerangkan dalam Bab yang ke-berapa-kah dari Perlembagaan Malaysia ada tersebut “Hak<sup>2</sup> istimewa orang Melayu” kerana sa-tahu saya apa yang tersebut di-dalam Perlembagaan kita ia-lah “Kedudukan istimewa” (Special position)—bukan “Hak istimewa” (Special rights); dan
  - (b) dapat-kah Kerajaan menghuraikan mengapa-kah Kerajaan mengguna perkataan<sup>2</sup> yang tidak tersebut di-dalam mana<sup>2</sup> Bab atau Fasal di-dalam Perlembagaan Negara.
- 264. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar bahawa Kerajaan Perikatan akan memansokhkan “kedudukan istimewa” (special position) orang<sup>2</sup> Melayu dari Perlembagaan apabila sampai tempoh 15 (lima belas) tahun dari tarikh hari kemerdekaan.
- 265. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri:
- (a) apa-kah perkara<sup>2</sup> yang besar yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan dengan jalan “Kedudukan istimewa” orang<sup>2</sup> Melayu sejak kita men-chapai kemerdekaan; dan
  - (b) ada-kah perkara<sup>2</sup> tersebut benar<sup>2</sup> di-lakukan dengan berkat “Hak Istimewa” atau pun di-lakukan dengan jalan<sup>2</sup> biasa seperti ranchan-gan kemajuan luar bandar dan sa-bagai-nya.
- 266. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang<sup>2</sup> bukan Melayu telah menjadi warganegara negeri ini pada tahun<sup>2</sup>:
- (a) 1957 (sebelum merdeka);
  - (b) 1963 (sebelum Malaysia); dan
  - (c) 1968.
- 267. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hingga masa ini berapa banyak-kah permohonan<sup>2</sup> dari orang<sup>2</sup> bukan Melayu untuk menjadi warganegara di-negeri ini.
- 268. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri sejak merdeka (1957) hingga sekarang (1968) berapa banyak-kah “hak<sup>2</sup> istimewa” yang telah di-berikan kepada orang<sup>2</sup> Melayu berbanding dengan yang di-berikan kepada orang<sup>2</sup> bukan Melayu ia-itu dalam perkara<sup>2</sup> yang berikut:
- (a) Biasiswa<sup>2</sup> pelajaran;
  - (b) Lesen<sup>2</sup> kenderaan;
  - (c) Lesen<sup>2</sup> lombong;
  - (d) Lesen<sup>2</sup> perusahaan taraf perintis; dan
  - (e) Lesen<sup>2</sup> perkapalan.
- 269. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah benar beliau pernah berkata bahawa “Orang Melayu sendiri mesti-lah kerja kuat, menggunakan kemudahan yang Kerajaan beri itu, mesti-lah usahakan sungoh<sup>2</sup>, jangan ada nama sahaja. Sekarang ini saya tengok nama saja orang Melayu tapi orang lain buat kerja” seperti yang tersiar di-dalam mujallah Dewan Masyarakat, keluaran 15hb April, tahun 1968, dan jika ya, terangkan perkara<sup>2</sup> yang di-maksudkan oleh beliau dari kata<sup>2</sup>-nya itu.
- 270. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Perdana Menteri:
- (a) apa-kah dia ta‘arif rasmi dari segi undang<sup>2</sup> Perlembagaan bagi perkataan “bumiputra” yang selalu di-gunakan oleh pehak Kerajaan Perikatan; dan
  - (b) ada-kah benar bahawa Kerajaan mengguna perkataan “bumiputra” itu tanpa menghiraukan nilai undang<sup>2</sup>-nya.

**271. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang akan mengamalkan shor yang di-buat di-dalam sidang belanjawan tahun 1965 oleh Y.B. Tuan Ahmad bin Arshad dan pada tahun 1968 oleh Y.B. Tuan Tajudin bin Ali masing<sup>2</sup>-nya supaya Kerajaan mengeluarkan lesen perniagaan chandu untuk menambahkan hasil negara; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

**272. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang akan mengamalkan shor yang di-buat dalam sidang belanjawan tahun 1965 oleh Y.B. Tuan Karim bin Abu dan pada tahun 1968 oleh Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saaid masing<sup>2</sup>-nya supaya Kerajaan mengeluarkan lesen<sup>2</sup> pelachoran dan dengan demikian negara ini akan dapat menambahkan hasilnya dan mengawal pelachoran dengan terator; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

**273. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah ra'ayat Malaysia dari Malaya wajib mengambil paspot untuk memasoki Sabah dan Sarawak tetapi tiada wajib berbuat demikian untuk berulang alek masuk dan keluar ka-negeri<sup>2</sup> di-dalam Malaya pada hal semua negeri<sup>2</sup> dan wilayah<sup>2</sup> tersebut sebenar-nya ada-lah menjadi sa-bahagian daripada Malaysia.

**274. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa jumlah warganegara<sup>2</sup> Malaysia pada masa ini (1968) dan berapa-kah bilangan mereka<sup>2</sup>:

- (a) dari negeri Sabah, Sarawak dan Malaya masing<sup>2</sup>-nya; dan
- (b) berapa bilangan orang<sup>2</sup> Melayu dan bukan Melayu di-tiap<sup>2</sup> negeri dalam Malaya (Malaysia Barat).

**275. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan kekachauan<sup>2</sup> dan huru-hara di-Pulau Pinang dalam tahun 1967, nyatakan:

- (a) bila-kah kekachauan dan huru-hara sebenar-nya bermula;
- (b) negeri<sup>2</sup> lain yang terlibat;
- (c) negeri<sup>2</sup> yang lansong tidak terlibat;
- (d) keadaan negeri Kelantan pada masa itu;
- (e) jumlah orang<sup>2</sup> yang mati akibat huru-hara tersebut;
- (f) jumlah orang<sup>2</sup> Melayu yang mati;
- (g) jumlah orang<sup>2</sup> yang di-tembak mati oleh Polis;
- (h) jumlah orang<sup>2</sup> yang di-tahan dan kemudian di-bebaskan;
- (i) jumlah orang<sup>2</sup> yang maseh dalam tahanan; dan
- (j) sebab<sup>2</sup> yang membawa kepada kekachauan<sup>2</sup> tersebut.

**276. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am ada-kah benar bahawa wang<sup>2</sup> loteri, yang di-perolehi oleh Kerajaan Pusat maseh belum di-masokkan ka-dalam Kira<sup>2</sup> Kumpulan Wang Yang di-Satukan tetapi sa-balek-nya maseh lagi di-simpan dalam Kira<sup>2</sup> Wang Amanah.

**277. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah perbezaan di-antara pengajian Islam yang di-ajar di-Kolej Islam di-Petaling Jaya dengan yang di-ajar di-Jabatan Pengajian Islam Fakulti Arts Universiti Malaya.

**278. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran sebutkan angka<sup>2</sup> mengenai Jabatan Pengajian Islam di-Universiti Malaya sekarang dengan menyatakan bilangan :

- (a) Pensharah;
- (b) Mahasiswa;
- (c) Mahasiswa lelaki; dan
- (d) Mahasiswa perempuan.

**279. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah sekolah<sup>2</sup> rendah kebangsaan (Melayu) di-Malaysia Barat sekarang dengan menyatakan :

- (a) jumlah sekolah di-tiap<sup>2</sup> negeri;
- (b) jumlah guru<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri; dan
- (c) jumlah pelajar<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri.

**280. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah jumlah sekolah<sup>2</sup> kebangsaan (Melayu) di-Negeri Kelantan sekarang dengan menyatakan :

- (a) nama sekolah;
- (b) jumlah murid<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (c) jumlah guru<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> sekolah; dan
- (d) jumlah sekolah<sup>2</sup> perempuan.

**281. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah sekolah<sup>2</sup> rendah kebangsaan (Melayu) di-jajahan Bachok, Kelantan sekarang dengan menyatakan :

- (a) nama sekolah;
- (b) jumlah guru<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> sekolah; dan
- (c) jumlah murid<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> sekolah.

**282. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan (Melayu) di-Malaysia Barat (Malaya) sekarang dengan menyatakan :

- (a) jumlah sekolah di-tiap<sup>2</sup> negeri;
- (b) jumlah pelajar<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri; dan
- (c) jumlah guru di-tiap<sup>2</sup> negeri.

**283. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan (Melayu) di-negeri Kelantan dalam tahun 1968 ini dan nyatakan :

- (a) nama sekolah;
- (b) jumlah guru di-tiap<sup>2</sup> sekolah; dan
- (c) jumlah murid<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> sekolah.

**284. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah sekolah<sup>2</sup> menengah rendah kebangsaan (Melayu) di-jajahan Bachok, Kelantan dalam tahun 1968 ini dan nyatakan :

- (a) nama sekolah;
- (b) jumlah guru di-tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (c) jumlah murid di-tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (d) jumlah murid lelaki di-tiap<sup>2</sup> sekolah; dan
- (e) jumlah murid perempuan di-tiap<sup>2</sup> sekolah.

**285. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah pelajar<sup>2</sup> dari sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan (Melayu) dalam jajahan Bachok, Kelantan yang mendapat kelayakan untuk memasuki Bahagian Sains Tingkatan Empat tahun 1968; dan berapa-kah di-antara mereka yang sudah memasuki bahagian itu, dengan menyatakan:

- (a) nama sekolah;
- (b) nama pelajar dari tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (c) nama pelajar<sup>2</sup> yang tergendala dan sebab<sup>2</sup>-nya.

**286. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah sekolah<sup>2</sup> menengah jenis kebangsaan (Inggeris) tahun 1968 ini di-Malaysia Barat (Malaya) dengan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah di-tiap<sup>2</sup> negeri;
- (b) jumlah pelajar<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri;
- (c) jumlah pelajar<sup>2</sup> lelaki di-tiap<sup>2</sup> negeri;
- (d) jumlah guru<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri; dan
- (e) jumlah guru<sup>2</sup> perempuan di-tiap<sup>2</sup> negeri.

**287. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah sekolah menengah jenis kebangsaan (Inggeris) dalam tahun 1968 ini di-jajahan Bachok, Kelantan dengan menyatakan:

- (a) jumlah dan nama sekolah<sup>2</sup>;
- (b) jumlah guru<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (c) jumlah guru<sup>2</sup> perempuan di-tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (d) jumlah pelajar<sup>2</sup> lelaki di-tiap<sup>2</sup> sekolah;
- (e) jumlah semua pelajar di-tiap<sup>2</sup> sekolah.

**288. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat telah juga mengambil alih Kolej Islam Petaling Jaya dan meletakkan-nya di-bawah fasal 25 (1) (f) (i) Undang<sup>2</sup> Pelajaran tahun 1961 dan dengan demikian menghadkan pengajian-nya kepada Sijil HSC sahaja dan bukan menjadikan Kolej tersebut sa-bagai Universiti Kolej kepada Universiti Malaya.

**289. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kolej Islam Petaling Jaya sekarang mula<sup>2</sup> tahun (1968) telah menerima pelajar<sup>2</sup> yang mempunyai Sijil FMC walau pun mereka tidak mempunyai pengetahuan Bahasa Arab. Jika ya, ada-kah Kerajaan fikir bahawa chara seperti itu akan tidak berguna bagi kemajuan Kolej itu pada masa depan.

**290. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat enggan menjadikan Kolej Islam Klang atau Kolej Islam Petaling Jaya sa-bagai sa-buah Fakulti Hukum Shara' Islam (Kulliah Al-Shari'ah). Jika ya, apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya.

**291. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak-kah wang yang di-peruntukkan bagi Kolej Islam Petaling Jaya bagi tahun Pelajaran 1968-1969; dan ada-kah Kolej tersebut maseh menerima derma<sup>2</sup> sa-lain dari apa yang di-beri oleh Kerajaan Pusat.

**292. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa-kah kekuatan Kolej Islam Petaling Jaya sekarang menurut:

- (a) Guru<sup>2</sup> yang berijazah;
- (b) Pelajar<sup>2</sup> lelaki;
- (c) Pelajar<sup>2</sup> perempuan; dan
- (d) Pegawai dan kakitangan pejabat.

**293. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa sa-telah Kerajaan Pusat mengambil alih Kolej Islam Petaling Jaya itu maka sekarang Kerajaan menyuruh pensharah<sup>2</sup>-nya mengajjar pula Kelas<sup>2</sup> HSC di-sekolah<sup>2</sup> menengah, jika ya, tidak-kah langkah itu menjatohkan taraf pensharah<sup>2</sup> tersebut.

**294. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan Pusat terhadap sa-tengah<sup>2</sup> golongan yang di-katakan telah menudoh bahawa taraf Kolej Islam Petaling Jaya telah pun di-turunkan oleh Kerajaan Pusat kepada taraf sijil HSC sahaja.

**295. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah benar bahawa kechurangan<sup>2</sup> telah berlaku dalam Sharikat Bersama Guru<sup>2</sup> Melayu Kelantan sejak tahun 1963 dan jika ya, nyatakan apa jenis kechurangan, guru<sup>2</sup> yang mana telah terlibat dan apa-kah usaha<sup>2</sup> yang di-buat oleh Kerajaan bagi mengatasi keadaan<sup>2</sup> saperti itu.

**296. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kewangan :

- (a) berapa banyak-kah hasil yang di-pungut oleh Kerajaan Pusat dari Kerajaan Negeri Kelantan;
- (b) berapa-kah jumlah yang di-untokkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun<sup>2</sup> 1963, 1964, 1965, 1966 dan 1967.

**297. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kewangan :

- (a) ada-kah benar bahawa peruntokan wang yang di-beri oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan itu ada-lah berdasarkan jumlah penduduk negeri itu menurut banchian tahun 1957 dahulu (kira-kira sa-puloh tahun dahulu);
- (b) ada-kah Kerajaan Pusat akan menyemak sa-mula jumlah penduduk Kelantan dan kemudian-nya membuat peruntokan menurut banchian yang akhir sekali.

**298. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah Kerajaan Pusat bersedia memberi kuasa otonomi kepada mana-mana negeri di-Malaysia Barat (Malaya) untuk membelanja sendiri hasil yang di-pungut di-negeri-nya.

**299. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa Kerajaan Perikatan dengan desakan Menteri Kewangan-nya, telah tidak mahu menyegerakan pelaksanaan shor<sup>2</sup> "Surohanjaya Suffian" berkenaan gaji kerana Kerajaan terpaksa menjalankan dasar "membekukan tangga gaji" (Wage-Freezing Policy), dan jika ya, apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya.

**300. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, apa-kah syarat<sup>2</sup> wajib bagi sa-saorang penduduk Jajahan Bachok, Kelantan untuk mendapat kebenaran mengguna senjata api.

**301. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, (a) apa-kah sebab-nya wakil Parlimen Bachok telah di-tolak permohonan-nya untuk mendapat kebenaran menggunakan pistol; (b) apa-kah syarat<sup>2</sup> yang wajib ada pada-nya jika ia hendak memiliki senjata api.

**302. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada-kah benar bahawa sa-orang guru bernama Sarkan bin Abdul Rahman dan sa-orang pembantu hospital di-Jajahan Bachok, Kelantan telah di-beri lesen mengguna pistol walhal Wakil Parlimen Bachok yang juga sa-orang Jaksa Pendamai di-jajahan tersebut telah tidak di-beri kebenaran saperti itu.

**303. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berapa ramai-kah penduduk<sup>2</sup> Jajahan Bachok, Kelantan yang telah di-buang daerah sejak tahun 1964 dan berapa ramai dari mereka yang di-benar pulang ka-kampung masing<sup>2</sup>.

**304. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyak-kah aduan telah di-buat kepada Polis di-Bachok di-antara 7hb Februari dan 8hb April, 1968 (ia-itu pilehan-roya kechil Bachok Utara).

**305. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berapa banyak-kah aduan berkenaan "ambil kad kenalan" telah di-buat kepada Polis Bachok dalam masa pilehan-roya Kechil Bachok Utara dan antara aduan<sup>2</sup> itu berapa-kah yang telah di-bichara dan di-dapati bersalah di-mahkamah.

**306. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berapa-kah kekuatan Pasokan Keselamatan yang telah digunakan dalam masa pilehanroya kechil Bachok Utara, 1968 dengan menyatak:

- (a) Anggota Polis Di-Raja;
- (b) Anggota Polis Hutan; dan
- (c) Tentera Wataniah.

**307. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) bagaimana-kah kesah kejadian penangkapan Polis ka-atas sa-orang ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Tuan Haji Osman bin Ismail, di-kampung Tualang Selak, Bachok, Kelantan dalam masa pilehanroya kechil Bachok Utara, 1968;
- (b) berapa ramai-kah lagi orang yang di-tangkap bersama-nya; dan
- (c) apa-kah tudohan yang di-hadapkan kepada mereka yang di-tangkap itu.

**308. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada-kah benar bahawa satu penangkapan telah di-lakukan oleh pihak Penchegah Rasuah terhadap anggota Polis di-Bachok, Kelantan; jika ya, nyatakan:

- (a) nama orang atau orang<sup>2</sup> yang terlibat;
- (b) masa penangkapan; dan
- (c) hukuman yang di-kenakan.

**309. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa kali-kah beliau atau Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri membuat lawatan ka-kawasan Bachok, Kelantan sejak 7hb Februari, 1968 hingga 8hb April, 1968 (ia-itu masa pilehanroya kechil Bachok Utara);

- (b) apa-kah sebab<sup>2</sup> lawatan itu.

**310. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah kesudahan penyiasatan dan tindakan Polis terhadap kejadian bunoh oleh orang atau orang<sup>2</sup> tidak di-kenali ka-atas sa-orang lelaki bernama Adam di-Jelawat, Bachok, Kelantan dalam tahun 1964, yang mana perbicharaan-nya baru sahaja di-adakan pada bulan Mei, 1968.

**311. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri :

- (a) berapa ramai-kah penduduk<sup>2</sup> Bachok, Kelantan yang telah di-tangkap oleh Polis dalam masa pilehanraya kechil Bachok Utara antara 7-2-1968 dan 8-4-1968;
- (b) berapa ramai kah di-antara mereka yang di-hukum; dan
- (c) berapa ramai pula yang di-bebaskan tanpa pembicharaan di-mahkamah.

**312. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berapa buah-kah asrama khas telah di-bena bagi menempatkan anak<sup>2</sup> anggota Pasokan Polis yang bersekolah apabila ayah<sup>2</sup> bertukar dari satu tempat ka-satu tempat yang lain.

**313. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah jumlah aduan<sup>2</sup> yang di-buat kepada Polis Bachok, Kelantan tiap<sup>2</sup> tahun dari 1964 sampai tahun 1968 berkenaan kesalahan<sup>2</sup> berikut :

- (a) Bunoh;
- (b) Chuba bunoh;
- (c) Samun;
- (d) Pechah rumah;
- (e) Rogol;
- (f) Melarikan orang;
- (g) Tipu;
- (h) Pechah amanah;
- (i) Bunoh diri;
- (j) Rasuah;
- (k) Mengguna kekerasan terhadap orang lain; dan
- (l) Melakukan luka parah.

**314. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah tindakan Polis terhadap pemandu Land Rover No. BR 7528 yang di-katakan telah melanggar rumah Parti PAS di-Pengkalan China, Bachok dalam masa pilehan-nya kechil Bachok Utara, 1968 mengikut laporan Polis No. 166/68.

**315. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri :

- (a) mengikut pangkat masing<sup>2</sup> berapa ramai-kah Polis di-Raja sekarang; dan
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak menambah lagi bilangan ini.

**316. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berhubung dengan Sekolah<sup>2</sup> Menengah Jenis Kebangsaan (China) di-negeri ini nyatakan:

- (a) jumlah bilangan sekolah<sup>2</sup> tersebut;
- (b) jumlah sekolah<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> negeri;
- (c) jumlah guru di-tiap<sup>2</sup> negeri; dan
- (d) jumlah pelajar di-tiap<sup>2</sup> negeri.

**317. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyak wang yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan pada tiap<sup>2</sup> tahun sejak tahun 1957 untok sekolah tersebut di-bawah ini:

- (a) Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan (Melayu);
- (b) Sekolah<sup>2</sup> (Inggeris) Jenis Kebangsaan;
- (c) Sekolah<sup>2</sup> (China) Jenis Kebangsaan; dan
- (d) Sekolah<sup>2</sup> (Tamil) Jenis Kebangsaan.

**318. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah guru<sup>2</sup> sekarang (1968) yang telah di-izinkan mengambil bahagian chergas dalam politik dengan menyatakan bilangan mereka di-tiap<sup>2</sup> negeri di-Malaysia Barat (Malaya) dan pertubohan<sup>2</sup> politik yang mereka sokong.

**319. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah guru<sup>2</sup> yang telah di-izinkan berpolitik dengan chergas sekarang ini (1968) di-jajahan Bachok, Kelantan dan apa pertubohan<sup>2</sup> politik yang mereka sokong.

**320. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa jumlah guru<sup>2</sup> yang di-perintah bertukar sejak tahun 1963 tetapi tidak mematuhi perintah tersebut dengan menyatakan nama<sup>2</sup> mereka, sekolah<sup>2</sup> tempat mereka berkhidmat dan sekolah<sup>2</sup> yang mereka di-perintah bertukar.

**321. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan guru<sup>2</sup> yang telah di-hukum "mufliis" oleh mahkamah<sup>2</sup> 'awam sejak tahun 1963 dengan menyatakan nama<sup>2</sup> mereka yang terlibat dan sekolah<sup>2</sup> tempat mereka berkhidmat.

**322. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Ke'adilan apa-kah kesudahan kesah penukaran Che' Gu Ahmad bin Abdul Rahman dari Johor ka-Pahang yang heboh di-perkatakan dalam akhbar<sup>2</sup> baharu<sup>2</sup> ini.

**323. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah kesudahan kesah penukaran Che' Gu Ahmad Shah dari Kelantan ka-Selangor dalam mana guru yang berkenaan di-beritakan enggan menurut perintah bertukar tersebut.

**324. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Che' Gu Ahmad Shah telah di-perintah bertukar dari Kelantan ka-Selangor sedang isteri-nya yang juga sa-orang guru tidak di-perintah bertukar bersama suami-nya ka-Selangor dan jika ya, tidak-kah Kerajaan berpendapat bahawa langkah menukar guru<sup>2</sup> dengan memisahkan mereka jauh dari isteri<sup>2</sup> dan keluarga<sup>2</sup> mereka itu sa-bagai suatu langkah yang tidak bijak dan patut di-kaji sa-mula.

**325. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa pengundoran diri oleh Mahaguru<sup>2</sup> di-Universiti Malaya telah berlaku sejak tahun 1967 lagi dan jika ya, berapa bilangan mahaguru<sup>2</sup> yang telah meninggalkan Universiti itu dan sebab<sup>2</sup>-nya serta apa-kah kesan<sup>2</sup> yang di-tinggalkan oleh mahaguru<sup>2</sup> tersebut di-universiti itu.

**326. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan Perikatan yang berkuasa sekarang perchaya kepada dasar penyamaan gaji kerana kerja yang sama di-antara guru<sup>2</sup> lelaki dan guru<sup>2</sup> perempuan; dan jika ya, sama ada dasar itu sudah di-laksanakan dan jika tidak, nyatakan sebab<sup>2</sup>-nya.

**327. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-hingga masa ini berapa bilangan sekolah<sup>2</sup> kemahiran tangan (Vocational Schools) yang telah di-adakan sa-bagai mengganti sekolah<sup>2</sup> yang dahulu-nya di-sebut "Sekolah Lanjutan" di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

**328. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan Guru<sup>2</sup> Sementara Melayu yang berkhidmat dengan Kerajaan pada tiap<sup>2</sup> tahun sejak jawatan itu di-adakan di-tiap<sup>2</sup> negeri di-Malaysia Barat (Malaya).

**329. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa pehak Kerajaan Negeri Kedah atau pun Majlis Ugama Islam Negeri Kedah enggan menyerahkan Maktab Mahmud, Alor Star kepada Kementerian Pelajaran untuk di-jadikan Sekolah Menengah Khas Ugama seperti yang sedang di-usahakan oleh Kementerian Pelajaran sejak tahun 1967 dan jika ya, nyatakan sebab<sup>2</sup>-nya.

**330. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan Pusat akan memberi bantuan kepada mana<sup>2</sup> badan<sup>2</sup> persendirian yang sanggup mengadakan Sekolah<sup>2</sup> Menengah Khas Ugama seperti yang di-chita<sup>2</sup>kan oleh Kementerian Pelajaran.

**331. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran hingga sekarang (1968) berapa bilangan pelajar<sup>2</sup> yang telah lulus daripada Maktab Bahasa, Lembah Pantai, dan berapa bilangan yang maseh menuntut di-Maktab tersebut.

**332. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan memulakan bahasa Arab sa-bagai bahasa tambahan di-sekolah<sup>2</sup> menengah serentak dengan bahasa Peranchis mula<sup>2</sup> daripada tahun 1970, dan jika ya, apa-kah persiapan<sup>2</sup> yang di-buat, dan jika tidak, nyatakan sebab<sup>2</sup>-nya.

**333. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan Guru<sup>2</sup> Sementara Melayu yang khidmat<sup>2</sup> mereka telah di-rentikan di-Malaysia Barat dalam tahun 1967 dan 1968; dan sa-takat mana-kah kemudahan<sup>2</sup> pengajian telah di-beri oleh Kerajaan untuk menolong guru<sup>2</sup> tersebut melayakkan diri<sup>2</sup> mereka.

**334. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa kira<sup>2</sup> 40 orang doktor telah mengundurkan diri dari berkhidmat di-Teaching Hospital, Universiti Malaya dalam tahun 1968, dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk mengatasi keadaan seperti itu.

**335. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Pelajaran kemajuan yang sudah di-chapai sa-takat ini oleh Kementerian Pelajaran dalam mengadakan buku<sup>2</sup> teks untuk Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan.

**336. Tuan Sim Boon Liang** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

- (a) ada-kah dia sedar bahawa pengguna<sup>2</sup> talipon di-Kuching apabila menalipon kepada pengguna<sup>2</sup> di-Dalat, pengguna<sup>2</sup> talipon di-Dalat boleh mendengar perchakapan talipon itu dengan terang dan jelas, tetapi pengguna<sup>2</sup> di-Kuching tidak mendengar apa<sup>2</sup> pun yang di-chakapkan oleh pengguna<sup>2</sup> di-Dalat; dan
- (b) boleh-kah dia menyiasat perkara ini dan memperbaiki perkhidmatan talipon.

**337. Tuan Sim Boon Liang** bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am:

- (a) berapa-kah jumlah wang yang di-pungut daripada jualan tiket<sup>2</sup> Loteri Kebajikan Masharakat dalam tahun 1967;
- (b) daripada jumlah ini berapa banyak yang di-bahagikan kepada tiap<sup>2</sup> Negeri kerana perkhidmatan<sup>2</sup> masharakat; dan
- (c) apa-kah yang di-buat kepada baki wang loteri itu.

**338. Tuan Sim Boon Liang** bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah akan di-bena sa-buah Sekolah Menengah Rendah di-Dalat untuk menampung segera sa-ramai lebeh daripada 200 orang murid<sup>2</sup> yang tamat pelajaran darjah VI tiap<sup>2</sup> tahun di-Dalat, dan apa-kah sebab-nya sekolah itu lambat di-dirikan.